

**Jilid I**  
Bil.65



Hari Jumaat  
26hb Julai, 1991

MALAYSIA

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

**PARLIAMENTARY DEBATES**

**DEWAN RAKYAT**

*House of Representatives*

**PARLIMEN KELAPAN**

*Eighth Parliament*

**PENGGAL PERTAMA**

*First Session*

## **KANDUNGAN**

### **PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:**

**Membatalkan Baki Cuti Y.B. Dato' Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, Menteri Pendidikan [Ruangan 10693]**

### **RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Keretapi [Ruangan 10693]**

**Rang Undang-undang Keretapi (Syarikat Pengganti) [Ruangan 10699]**

**Rang Undang-undang Optik [Ruangan 10751]**

MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG PERTAMA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,  
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR  
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,  
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.  
(Kubang Pasu).

„ Timbatan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar,  
TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P.,  
D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU,  
S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,  
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK.P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri PM dan P.M. Antarabangsa dan Menteri Kuala Kangsar, DATO' SERI RAFIDAH  
**AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).**

„ Menteri Pendidikan, DATO' DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P.,  
P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K.,  
D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P.  
(Permatang Pauh).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'  
HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala  
Selangor).

„ Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAIIB BIN TUN HAJI ABDUL  
RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P.,  
P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,  
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).

„ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO'  
SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).

- Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAFSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOP BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAL, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, TUAN SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, A.M.N., S.M.J. (Kota Tinggi).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLIBINMOHD.GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY, J.M.N. (Silam).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.s.D.K., S.M.S. (Baling).
- .. Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- .. Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- .. Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Ganiang).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DRS SULEIMAN BIN MOHAMED, o.p.m.s. (Titiwangsa).
- .. Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN MOHAMED FARID BIN ARIFFIN (Balik Pulau).
- .. Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- .. Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, p.r.s. (Bakri).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).
- .. Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Utama DATO' HAJI TENGKU MAHMUD BIN TENGKU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- .. Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- .. Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., p.p.c. (Saratok).
- .. Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- .. Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).
- .. Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen, di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen, Kmcnterian Pcbangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T. J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen, Kemcnterian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Ncgara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuanlan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan DATO' K. KUMARAN (Tapah).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).
- „ DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kota Samarahan).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pcngkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).

- Yang Berhormat DATO' ALIAS BIN MD. Au, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu-Terengganu).
- „ DATU AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).
- „ TUAN HAJI AWANO BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.O.D.K. (Penampang)
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNIYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHIAN HENO KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN FONO KUI LUN (Klang).
- „ TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).
- „ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- „ TUAN HAJI HAZI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- „ TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- „ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jejebu).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- „ DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS (Rompin).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JOSKPH MAUH AK IKEH (Selangau).
- „ TUAN KANG CHOW OH (Kluang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).

Yang Berhormat DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).

- „ TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).
- „ TUANLAU DAK KEE (Ipoh).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang),
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.s.K. (Jambongan).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, p.j.K. (Maran).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bharu).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARON, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.c.R.L., K.sLi. (Limbawang).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KmNGAN (Keningau).
- „ TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

Yang Berhormat DATUK DOMNIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).

- ” DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAI ISMAIL, P.D.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- ” TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- ” PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).
- ” TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- ” TUAN RUHANIE BIN AHMAD (Parit Sulong).
- ” **TUAN RUHANIE BIN AHMAD (Parit Sulong).**
- ” Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- ” TUAN SAIDIN @ YUSOP BIN ADAM (Tanjong Karang).
- ” DR SANUSI BIN DARNG MARIOK (Rantau Panjang).
- ” TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- ” TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- ” PUAN Sm ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- ” TUAN S. S. SUBRAMANIAM, J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- ” TUAN HAJI SHUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).
- ” TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- ” DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
- ” TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- ” DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- ” TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- ” TUAN WAHAB BIN SUHAIU (Batang Sadong).
- ” WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
- ” WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- ” TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- ” WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).
- ” TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- ” TUAN WONG WING ON (Kampar).
- ” TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- ” DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- ” TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- ” TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- ” TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
- ” TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
- ” TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

**DEWAN RAKYAT****PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.,  
I.S.M.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Haji Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

**BAHAGIAN PENYATA RASMI PARUMEN**

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

***Pelapor Perbahasan Parlimen:***

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

**BENTARA MESYUARAT**

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

Jumaat, 26hb Julai, 1991

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang*

D O A

3.04 ptg.

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

## PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA

### MEMBATALKAN BAKI CUTI Y.B. DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, MENTERI PENDIDIKAN

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya merujuk kepada pengumuman yang dibuat oleh Yang di-Pertua Dewan ini pada 19hb Jun 1991 berkenaan dengan cuti yang dibenarkan kepada Yang Berhormat Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud, Menteri Pendidikan, dan dengan ini memaklumkan iaitu atas permintaan Ahli Yang Berhormat itu, Tuan Yang di-Pertua telah membatalkan baki cuti yang telah diluluskan itu mulai 25hb Julai 1991.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG KERETAPI 1991

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguh atas masalah "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (25hb Julai, 1991)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail):** Tuan Yang di-Pertua, keretapi adalah mode pengangkutan yang terpaksa membiayai kos pelaburan infrastructure capital. Jadi ini berkait dengan perkara yang dibawa oleh Yang Berhormat dari Kepong semalam yang mengatakan mengapa Kerajaan mesti menanggung kos infrastruktur. Jadi kalau mode pengangkutan yang lain tidak menanggung kosnya seperti membina jalan dan sebagainya, begitu juga pelabuhan, maka wajarlah kos capital infrastructure ini ditanggung juga oleh Kerajaan. Itulah sebabnya dalam memperbadankan Kerelapi Tanah Melayu, Kerajaan mengambilalih tanggungjawab pelaburan infrastruktur.

Untuk membiayai penyelenggaraan (maintenance), masih kekal dengan keretapi yang diperbadankan. Cara inilah juga yang diamalkan oleh negara-negara lain. Contohnya, negara jiran kita Singapura di mana MRT tidak menanggung kos infrastruktur.

Kerajaan juga mengambilalih hutang KTM adalah perlu kerana dalam, dengan izin, restructuring of capital supaya syarikat pengganti KTM yang baru nanti akan dapat bermula dengan kedudukan yang berdaya maju atau viable.

Mengenai pandangan Yang Berhormat Kepong bahawa Kerajaan biasanya melantik civil service appointee untuk memegang jawatan-jawatan dalam perbadanan dan bersabit dengan Keretapi Tanah Melayu

pandangan Yang Berhormat itu tidak tepatlah, tidak kena, kerana Pengurus Besar Keretapi Tanah Melayu sekarang ini adalah yang telah bertugas sekian lama dengan KTM dan sangat sesuai diletakkan pada jawatan tersebut.

Beliau juga menyatakan Kerajaan perlu mencari orang-orang yang benar-benar pakar, dan ini sentiasa dilakukan oleh Kerajaan.

Yang Berhormat Kepong juga telah menyebut mengenai RUM (Railway Union) dan meminta supaya ditubuhkan Suruhanjaya khas. Meminta juga supaya diberi jaminan RUM tidak tertindas dan RUM berpendapat KTM tidak perlu diswastakan. Kenyataan Yang Berhormat ini mengenai RUM adalah tidak tepat dan tidak benar kerana pengswastakan KTM nampaknya pendapat Yang Berhormat itu telah ketinggalan zaman atau out of date. Kerana kedudukan sebenar ialah pada bulan Oktober 1990, RUM telah membuat resolusi dan memberi sokongan sebulat suara menyokong langkah-langkah Kerajaan untuk memperbadankan KTM. Oleh yang demikian, soal jaminan KTM tidak diperbadankan yang diminta oleh RUM itu tidaklah timbul sama sekali.

Yang Berhormat dari Kepong juga bertanya apakah hasil kajian yang dilakukan oleh Bumiputra Merchant Bankers Bhd yang tidak diumumkan kepada ramai, katanya. Sebenarnya Yang Berhormat juga menyatakan ada tiga kajian. Tidak ada tiga kajian. Hanya satu kajian sahaja. Kajian itu ialah yang dibuat oleh Bumiputra Merchant Bankers Bhd dan ini tidak diumumkan kerana Kerajaan tidak memakai pun segala perakuan-perakuan yang dibuat dalam kajian tersebut, kerana Kerajaan sebaliknya memutuskan dan merasakan bahawa lebih wajar untuk memperbadankan KTM dahulu sebelum ianya diswastakan.

Yang Berhormat juga menyebut mengenai Canadian Railways yang

membuat permohonan untuk penswastakan. Sebenarnya, bukan Canadian Railways dan tidak pula Canadian Railways membuat permohonan penswastakan. Yang ada pada tahun 1987 itu ialah Canadian Pacific Consultant ada membentangkan kertas kerja dengan izin, "A Case Study of Railways Privatisation" di persidangan tahunan Pengurus-Pengurus Besar Keretapi ASEAN di Kuala Lumpur, yang berjalan daripada 29hb Jun hingga 3hb Julai 1987 dan ini hanya satu pembentangan kertas kerja dan tidak khusus mengenai Keretapi Tanah Melayu dan penswastaannya.

Beliau juga menyatakan bahawa Canadian Railways ini mempunyai dua sistem, satu sistem yang dilaksanakan oleh Kerajaan dan satu sistem lagi sebagai commercial entity, dengan izin. Sebenarnya, dalam Bahagian III Rang Undang-undang Keretapi, 1991 ini sudah dilengkapkan dengan peruntukan bagi sesiapa pun atau mana-mana pihak yang berminat untuk mewujudkan sistem pengangkutan keretapi tetapi terpulanglah kepada pihak peminat itu untuk memohon kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan.

Beliau juga menyatakan bahawa penswastakan memberi peluang mengkayakan segelintir orang politik. Dengan adanya Rang Undang-undang Keretapi Tanah Melayu ini, dengan Fasal 106 di bawah Bahagian XIII, peruntukan itu dapat mengawal dan menjamin segala perkara yang berkaitan dengan hal ehwal, pentadbiran, pengurusan dan pelaksanaan. Jadi, syak-wasangka Yang Berhormat itu patutlah diketepikan. Beliau juga meminta supaya saya dapat memberi jaminan tidak ada orang jahat yang mengambil kesempatan dari penswastakan ini. Sebenarnya, dalam dunia ini memang ramai orang jahat-jahat mulut, jahat hati, jahat tingkahlaku, jahat fikiran dan niat jahat pun ramai. (*Tepuk*) Jadi, bagaimanakah saya hendak memberi jaminan kerana keadaan seperti ini? Yang boleh kita beri

jaminan ialah bagi peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Rang Undang-undang yang dibentangkan ini?

Kemudian beliau mengatakan adakah benarkaedah memperbadankan KTM ini serupa dengan model Jepun (Japanese National Railways) dan apakah ciri-ciri perbezaannya. Kadar memperbadankan KTM ini tidak mengikut model Jepun 100%. Kalau mengikut model JNR, ianya dibahagikan kepada beberapa syarikat, tetapi bagi KTM, ia akan diperbadankan sebagai sebuah badan sahaja, as a single entity, dengan izin, persamaan yang boleh dikatakan ada ialah dari segi kedudukan tanggungjawab keretapi yang mana bagi KTM kebanyakannya akan diletakkan dengan Perbadanan Aset Keretapi atau, dengan izin, Railway Asset Corporation. Tetapi bagi model Jepun itu, kebanyakan tanggungjawab diletakkan dengan satu badan iaitu, dengan izin, Settlement Account Corporation.

Akhir sekali, Yang Berhormat dari Kepong juga telah menyentuh mengenai struktur model jangka panjang yang baru dan flexibility KTM, entity pemiagaan yang menguntungkan serta projek-projek yang dicadangkan, stesen-stesen baru, pusat beli-belah dan sebagainya. Semua ini adalah tanggungjawab Keretapi Malaysia Berhad iaitu syarikat pengganti yang akan menguruskan hal ehwal keretapi dan ini sudah tentulah mereka akan mengambilkira segala-galanya untuk menentukan bahawa korporat Keretapi Malaysia Berhad itu berdaya maju dan mendapat keuntungan.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah penjelasan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa,

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 53* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Fasal 54 hingga 95* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob:**  
(*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya telah baca. Tadi, tidak bangun.

*Fasal 96—*

**Datin Paduka Hajab Zaleha binti Ismail:** Tuan Pengerusi, saya mohon membuat pindaan iaitu dalam Fasal 96(1) perkataan "Menteri" di baris 5 digantikan dengan perkataan "Perbadanan."

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah ialah dalam Fasal 96(1) perkataan "Menteri" di baris 5 diganti dengan perkataan "Perbadanan" dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah ialah pindaan seperti yang telah dikemukakan tadi hendaklah dipersetujukan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

*Fasal 96* sepertimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Fasal 97 Hingga 106* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Jadual* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG KERETAPI (SYARIKAT PENGGANTI)

**Bacaan Kall Yang Kedua dan Ketiga**

3.17ptg.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk mengadakan peruntukan mengenai perletakhakan harta, hak dan liabiliti Perbadanan Aset Keretapi pada suatu syarikat, untuk membuat perkiraan kewangan bagi syarikat itu, untuk mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan kakitangan dan mengenai perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang Keretapi Syarikat Pengganti 1991 ini bertujuan untuk membolehkan sebuah syarikat pengganti iaitu Syarikat Keretapi Malaysia Berhad mengambilalih sebilangan harta, hak dan tanggungan yang dipegang oleh Perbadanan Aset Keretapi. Rang Undang-undang ini juga bertujuan membuat penyusunan kewangan bagi KMB dan juga pemindahan kakitangan pentadbiran Keretapi Tanah Melayu kepada KMB.

Rang Undang-undang dibahagikan kepada 3 Bahagian seperti berikut:

*Bahagian I—Permulaan:*

Bahagian ini memperuntukkan tarikh kuatkuasa dan tafsiran-tafsiran bagi Rang Undang-undang ini.

*Bahagian II—Perletakhakan Harta dan lain-lain kepada Syarikat Pengganti:*

Bahagian ini memperuntukkan supaya semua harta, hak ataupun liabiliti yang dipcngang oleh Perbadanan Aset Keretapi kepada diperletakhakkan kepada syarikat pengganti dari masa ke semasa di bawah arahan Menteri melalui notis dalam *Warta Kerajaan*.

Bahagian ini juga memperuntukkan mengenai saham Kerajaan dalam syarikat pengganti serta mengenai pelupusan saham tersebut. Wakil-wakil Kerajaan ke Lembaga syarikat pengganti akan dilantik oleh Menteri Kewangan setelah berunding dengan Menteri.

Bahagian ini juga memperuntukkan supaya semasa syarikat pengganti dimiliki penuh oleh Kerajaan, Menteri Kewangan, setelah berunding dengan Menteri, boleh mengarahkan syarikat pengganti mewujudkan satu kumpulan wang dengan izin, statutory reserve untuk digunakan bagi membiayai saham syarikat yang belum dikeluarkan lagi. Saham ini hanya akan dikeluarkan kepada ahli-ahli syarikat sebagai saham-saham bonus berbayar penuh.

*Bahagian III—Peruntukan-peruntukan yang berhubung dengan Kakitangan:*

Bahagian ini memperuntukkan mengenai kedudukan semua kakilangan Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu yang memilih untuk bekerja dengan syarikat pengganti. Di bawah Bahagian ini, syarikat pengganti hendaklah menetapkan syarat-syarat dan terma-terma perkhidmatan yang tidak kurang baiknya daripada syarat-syarat dan terma perkhidmatan mereka sebelum tarikh perlantikan ke pekerjaan baru. Tarikh ini akan ditetapkan oleh Menteri melalui notis dalam *Warta Kerajaan*.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya menegaskan bahawa Rang Undang-undang Keretapi (Syarikat Pengganti) 1991 ini tidak akan melibatkan implikasi kewangan kepada Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, demikianlah huraian saya ke atas Rang Undang-undang Keretapi (Syarikat Pengganti) 1991. Saya mohon mencadangkan. •

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya minta sokongan.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah dihadapan Majlis ialah Rang Undang-undang Keretapi (Syarikat Pengganti) 1991 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, Kota Melaka,

*3.21 ptg.*

**Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka):** Tuan Yang di-Pertua, Rang undang-undang ini bernama Rang Undang-undang Keretapi (Syarikat Pengganti) 1991 adalah sama seperti Rang Undang-undang yang dibentangkan semalam mengenai Jabatan Penerbangan Awam di mana adalah dicadangkan bahawa satu perbadanan ditubuhkan supaya perletakhakan harta dan liabiliti dibuat pada satu syarikat untuk membuat perkiraan kewangan bagi syarikat itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ingin membangkitkan perkara-perkara kewangan mengenai perbadanan syarikat yang dicadangkan. Saya amat kesal, Tuan Yang di-Pertua, bahawa sehingga hari ini laporan kewangan yang terbaru iaitu untuk akaun semasa tahun 1990 masih belum dibentangkan. Malah apabila saya menyemak laporan KTM hanyalah Laporan Tahunan 1987 yang disediakan. Di sini saya harap bahawa

Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberitahu Dewan yang mulia ini bilakah laporan atau akaun kira-kira tahunan KTM yang terakhir akan dibentangkan kepada Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada Laporan Tahunan 1987 KTM mengalami kerugian dan daripada kerugian operasi untuk tahun 1987 adalah sebanyak \$26.45 juta dan adalah tidak banyak beza dengan kerugian operasi yang juga pada tahun 1986 sebanyak \$26.56 juta.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang sedia dimaklumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa KTM telah mengalami kerugian pada setiap tahun dan saya tidak tahu sejak bila KTM membuat keuntungan. Tetapi KTM sudah menjadi terkenal dengan kerugian setiap tahun. Kalau kita melihat kerugian terkumpul kedudukan KTM adalah tebih buruk mengikut Laporan Tahunan 1987 yang sama pada akhir tahun 31hb Disember, kerugian terkumpul adalah sebanyak \$556,646,012 berbanding dengan kedudukan sebanyak \$349,430,413 pada tahun 1986. Ini adalah satu kedudukan yang amat membimbangkan.

Di sini saya tidak tahu macam mana pihak Kerajaan akan melaksanakan tujuan mereka untuk menswastakan KTM dengan liabiliti yang begitu besar ini. Di sini saya harap pihak Kerajaan juga boleh memberikan jaminan bahawa hak-hak dan kepentingan pekerja-pekerja tidak akan dianak-tirikan untuk memperbaiki kedudukan kewangan yang teruk sekali yang kini dialami oleh KTM.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberitahu rakyat lentang sebab-sebabnya mengapakah KTM mengalami kerugian yang begitu besar dan mengapakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan yang sering diumumkan

oleh Kementerian Pengangkutan setiap kali soalan ini timbul di dalam Dewan yang mulia ini. Mengapakah langkah-langkah tersebut ini tidak berjaya? Memandangkan bahawa wang yang sebegitu besar ini adalah wang rakyat, pihak Kerajaan mempunyai satu tanggungjawab menjadi accountable kepada rakyat bagaimana wang ini dibelanjakan. Apakah sebab utama yang menyebabkan kerugian?

Saya tidak percaya bahawa punca utama adalah gaji dan perbelanjaan untuk kakitangan KTM kerana seperti yang boleh ditunjukkan di dalam akaun kunci kira-kira dan juga Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan KTM ia tidak merupakan satu bahagian yang besar. Saya rasa tentu ada satu sebab di sebalik kerugian yang besar ini.

Di sini juga, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil peluang untuk meminta Yang Berhormat atau meminta pihak Kementerian mengambil masa depan kakitangan dan memberikan jaminan bahawa mereka akan menikmati segala faedah sebagai kakitangan KTM di bawah naungan Kerajaan Malaysia. Adalah dibimbangkan oleh pihak pekerja terutama RUM kalau penswastan ini diadakan dan memandangkan kerugian yang sangat besar ini lay-off, dengan izin, atau pemberhentian kerja akan dilakukan ke atas pekerja-pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanya pihak Kementerian kalau Kerajaan hendak melaksanakan penswastan KTM dengan berjayanya saya rasa pihak Kerajaan mesti menanggung sebahagian besar liabiliti dan hutang-hutang KTM. Di sini saya ingin tahu adakah Kerajaan akan menanggung semua hutang dan liabiliti yang kini dialami oleh KTM. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Kepong.

3.27ptg.

**Dr Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini meletakkan harta, hak dan liabiliti perbadanan aset keretapi pada suatu syarikat. Ia juga mempunyai peruntukan mengenai kakitangan. Kami memerhati bahawa sepanjang perbincangan mengenai program memperbadankan KTM serta syarikat pengganti, Kerajaan tidak menyebut langsung ciri-ciri mahupun syarat-syarat yang mesti ada pada sesuatu syarikat sebelum ia terpilih untuk menjadi syarikat pengganti KTM. Ciri-ciri atau syarat-syarat seperti keupayaan kewangan dan pengalaman dalam bidang pengangkutan sebelum ia mengambit alih perbadanan aset keretapi amat mustahak sekali.

Kita tidak boleh menerima cara-cara untuk memerlikan rakyat. Cara-cara di mana rakyat diminta untuk menyertai di dalam usaha menswastakan KTM ini dengan kononnya SI sahaja. Tetapi malangnya ada undang di sebalik batu. Rakyat mesti mendapat pengesyoran bahawa syarikat yang bakal mengganti perbadanan KTM sudahpun kukuh kedudukan kewangannya dan memang berupaya untuk menguruskan perkhidmatan keretapi dengan berkesan dan cekap pada kos yang berpatutan. Kita tidak mahu melihat syarikat pengganti terpilih itu semata-mata, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, shell company dengan bayaran modal berbayar \$2 dan tanpa apa-apa pengalaman dalam bidang pengangkutan apatah lagi di dalam pengendalian perkhidmatan rel.

Tuan Yang di-Pertua, dengan Rang Undang-undang yang ada di dalam Dewan yang mulia ini, di mana tiga telahpun diluluskan dan ada tiga lagi, hampir serupalah serumpun rang undang-undang untuk memperbadan dan seterusnya menswastakan projek-projek dan badan-badan Kerajaan.

Saya berharap dan pihak DAP mendesak sekali lagi supaya tidak akan

wujud politik perniagaan, tidak akan wujud serumpun dan segelintir petualang-petualang politik yang mengambil kesempatan untuk meraih keuntungan. Kalau tidak silap saya, kalau kita tidak berwaspada akan berlakunya skandal-skandal yang lebih dahsyat lagi berbanding dengan skandal-skandal sekarang. Syarikat pengganti yang tersedia kukuh kedudukan kewangannya, iaitu sebelum ia mengambil-alih KTM bukan sahaja membawa masuk lebih banyak dana serta memperkuhkan lagi kedudukan kewangan KTM, ia juga memberi lebih keyakinan terhadap kemampuan untuk hidup, untuk bersaing, untuk survive, dengan izin, tanpa banyak bantuan Kerajaan baik dari segi pemberian kontrak mahupun dari segi pinjaman kewangan atau subsidi tambang.

Prospek bertambah cerah lagi jika syarikat berkenaan mempunyai pengalaman mengurus perkhidmatan pengangkutan dan lebih peming lagi dengan track record, dengan izin, berupaya mengurus perniagaan lanpa menerima apa-apa keutamaan atau monopoli daripada Kerajaan. Pendek kata, syarikat itu mesti terbukti berdaya saing dalam pasaran bebas tanpa apa-apa kelebihan atau keutamaan atau priority atau subsidi mahupun bantuan daripada Kerajaan. Kalau syarikat itu berupaya untuk mengambilalih sebagai syarikat pengganti, maka syarikat itu tidak payahlah menerima subsidi, priority atau keutamaan daripada Kerajaan.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Kota Setar bangun. Hendak beri jalan?

**Wan Hanattah bin Wan Mat Saman:** On a point of order, Tuan Yang di-Pertua. 35(1), dia asyik menghadap ke sini sahaja, minta dia bercakap dengan Tan Sri, ini daripada semalam lagi.

**Tuan Yangdi-Pertua:** Silatcruskan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat itu tidak ada modal lagi, cuma untuk ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Tetapi apa yang dia kata itu *betul*. (*Ketawa*) Sila teruskan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Jadi saya berdiri semacam inilah sekarang. (*Ketawa*) Tuan Yang di-Pertua, di dalam Dewan yang mulia ini kita letakkan jam di *situ*. (*Ketawa*) dan saya terpaksa belok ke sebelah kanan. Jadi ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tidak hadkan Yang Berhormat berucap, jadi tidak payah tengok jumlah. (*ketawa*) Sila teruskan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Jadi sejak sekarang saya tidak perlu tengok jam, bila saya berucap diberi masa untuk selama-lamanya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Melainkan dihadkan masa. Tadi tidak dihadkan masa.

**Dr Tan Seng Giaw:** Oh! Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan ini apakah kemungkinan tawaran pelaburan asing membeli kepentingan di dalam syarikat pengganti diterima oleh Kerajaan. Misalnya, Canadian Railway Company atau Japanese Railway Company kerana inilah syarikat-syarikat yang raksaksa yang dapat mengendalikan sistem relnya kerana ini dengan pandang ke Timur-pandang ke Timur, ke Barat, ke Antanika, ke Khutub Utara ini memang terserah kepada keadaan dan dengan sistem rel sekarang ini pun memang ada gejala untuk memandang ke Timur sekarang ini, kerana Japanese Railway Company sangat mampu untuk menguruskan sistem rail tetapi untungnya tidak banyak kerana sistem pengangkutan kretapi memang memberi perkhidmatan lebih daripada meraih keuntungan. Tetapi nampaknya

yang dibuat oleh pihak Kerajaan sekarang melalui Rang Undang-undang ini ialah untuk mewujudkan satu keadaan di mana perkhidmatan ini akan mirip kepada keuntungan semata-mata. Hanya dengan syarikat-syarikat sebegini barulah kebarangkalian syarikat pengganti boleh mencapai ketiga-tiga objektif penswastaaan KTM iaitu:

Yang pertama, memanfaatkan orang ramai kerana syarikat sedemikian boleh menjalankan perkhidmatan dengan kos tambang yang berpatutan dan tanpa bantuan kewangan atau kelebihan yang diberi oleh Kerajaan yang keterlaluan maka tidak membebaskan Kerajaan dan seterusnya itu tidak membebaskan rakyat daripada segi tanggungan hutang awam.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang telah saya sebutkan semalam, seraua tanggungan serta pelaburan dalam infrastruktur akan ditanggung oleh Kerajaan, dan saya ulangi di sini, syarikat pengganti mengecap keuntungan penuh daripada operasi perkhidmatan penumpang, pengangkutan barang-barang, bengkel serta landasan di samping memberi hakmilik kepada bank tanah KTM yang dijangka bernilai melebihi \$3 bilion dan seluas 6,796 hektar, bukan ekar tetapi hektar—6,796 hektar dan \$3 bilion nilainya. Itulah tanggungan pelaburan di dalam infrastruktur dibiayai oleh pihak Kerajaan. Kalau sedemikian, pihak DAP pun boleh menubuhkan satu syarikat mengambil-alih hal ini kerana tanggungan tidak payah dibayar.

**Beberapa Ahli:** Buatlah.

**Dr Tan Seng Giaw:** Bolehkah?

**Beberapa Ahli:** Boleh.

**Dr Tan Seng Giaw:** Baiklah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan di dalam Dewan yang mulia ini syarikat apakah yang akan menjadi syarikat penggantinya dan

seterusnya dalam tempoh 5 tahun atau 10 tahun semasa badan ini diswastakan. Dia ada dua peringkat sekarang ini. Sukarlah dua peringkat ini—dwi peringkat. Dwi peringkat ini, KTM diperbadankan kemudian diswastakan—jadi dwi peringkat. (*Ketawa*)

**Beberapa Ahli:** (*Menyampuk*)

**Dr Tan Seng Giaw:** Bising, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh bercap juga.

**Dr Tan Seng Giaw:** Saya pandang kepada Tuan Yang di-Pertua, tetapi ada bising di situ, saya tidak dapat mengawal ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila teruskan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Kedua, menjaga kepentingan pekerja kerana syarikat yang diurus dengan baik dan benar-benar cekap, berdaya saing dengan jenis-jenis pengangkutan yang lain, maka lebih stabil dan kukuh kedudukan kewangan dan begitu juga pekerjaan serta pengendalian syarikat.

Akhirnya, yang ketiga, sektor swasta boleh meraih keuntungan kerana ia cekap dan berkesan menggunakan sumber-sumber KTM untuk menjanakan hasil. Kalau ia terlalu bergantung kepada bantuan Kerajaan baik daripada segi kontrak pemunggaan atau subsidi, tambang atau untuk pinjaman pembangunan, untung yang diperolehi bukanlah untung sebenar dan lambat-laut ketidakcekapan pengurusan dan kewangan akan melemah malah berdaya membankrapkan syarikat berkenaan.

Kami tidak ingin melihat serta harta-benda KTM terutama sekali tanah-tanah KTM disia-siakan begitu sahaja dan lebih buruk lagi dijual, dipajak-gadaikan atau dipindahhkan dengan sewenang-wenangnya.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang kalau kita lihat tanah simpanan KTM di seluruh negara dan juga termasuk di Selangor dan di dalam Wilayah Persekutuan, ada banyak kilang-kilang haram dan juga setinggan-setinggan. Dengan projek landasan kembar sahaja beribu-ribu lebih 5,000 atau 6,000 setinggan tidak termasuk kilang-kilang dan kedai-kedai di dalam tanah KTM itu terpaksa dipindah ke Jinjang, Pelabuhan Kelang dan sekitarnya. Ini nampaknya ada petuang bagi syarikat ini untuk menggunakan tanah yang hampir 7,000 hektar ini untuk maksud-maksud yang tertentu, untuk meraih keuntungan. Memang peluang yang besar, yang banyak untuk berbuat demikian, dan saya menekankan di sini baik Kerajaan ataupun satu badan yang bebas, dan kita di sini sudahpun mencadangkan satu badan seperti Suruhanjaya untuk mengawalseliakan semua aktiviti seperti ini. Kalau tidak matilah semua.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga kami tidak ingin melihat Kerajaan membuang wang berbilion-bilion ringgit untuk menyelamatkan KTM, bila syarikat pengganti yang terpilih itu menjahanamkan semua harta dan keupayaannya untuk memberi khidmat kepada orang ramai. Dan akibat itu memudaratkan lagi perkhidmatan keretapi, walhal ia sepatutnya memperkembangkan, mempertingkatkan serta membangunkan corak pengangkutan ini terutama sekali jika hasrat Kerajaan ialah untuk menawarbentuk perkhidmatan alternatif kepada orang ramai supaya meringankan kesesakan lalulintas atas jalan. Syarikat-syarikat yang benar-benar berkemampuan juga lebih menarik lagi bagi para pelahur sama ada di dalam atau di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, difahamkan bahawa selepas diperbadankan KTM dijangka akan diswastakan sepenuhnya dalam tempoh 5 tahun. Ini angka yang asal, dianggap 5 tahun itu sudah cukup, sama ada bagi lapangan terbang ataupun bagi syarikat ganti KTM. 5 tahun ini

angka yang asal, selepas 5 tahun diswastakan dengan serta-merta. Jadi sayapun tidak tahulah mengapa sentiasa kita memilih angka 5-5 jari ataupun untuk 4 Ekor, 5 jari tidak cukup untuk 4 Ekor.... (*Disampuk*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat sila teruskan, ya.

**Dr Tan Seng Giaw:** Seandainya KTM tidak berdaya berdikari atau meraih keuntungan dalam tempoh itu apakah akan terjadi? Adakah penswastakan akan terus dijalankan. Pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak pernah menerangkan hal sedemikian. Semalam saya benar-benar asyik mendengar tidak ada satu perkataan pun mengenainya di dalam tempoh 5 tahun ini. Kalau syarikat yang mengambilalih itu tidak mampu, tidak berdaya, tidak dapat menguruskan dengan betul, apakah akan terjadi, apakah langkah yang akan diambil oleh pihak Kerajaan? Mungkin akan diadakan satu Rang Undang-undang lagi di dalam Dewan yang mulia ini untuk memulihkan, untuk menyelamatkan keadaannya.

Tuan Yang di-Pertua, menurut suatu laporan akhbar pada 4hb Mei, 1989 yang lalu, kononnya harta milik termasuk infrastruktur serta, dengan izin, rolling stock KTM akan disewa kepada perbadanan untuk tempoh 30 tahun—disewa untuk tempoh 30 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, apakah kajian itu yang dibuat untuk memastikan tempoh 30 tahun ini lebih wajar, sesuai untuk maksud tersebut. Kerana saya telah tekankan semalam ada laporan yang dibuat untuk projek memperbadankan dan seterusnya men-swastakan, tetapi laporan itu tidak pernah dikemukakan di dalam Dewan yang mulia ini, sehingga kita tidak dapat meneliti apakah yang telah dibuat oleh pihak Kerajaan. Kita diperlawa, dijemput untuk berbahas di sini tanpa berdasarkan kepada fakta-fakta dan

kenyataan yang telahpun diperolehi oleh pihak Kerajaan, yang tidak diberi kepada Ahli-ahli Dewan Rakyat seolah-olah tidak menghormati Dewan Rakyat yang mulia ini, tidak memuliakan Dewan Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, menurut Rang Undang-undang ini, semua hak hartamilik dan liabiliti Pcrbadanan akan dipindahkan kepada syarikat pengganti. Maka adakah ini bermakna Kerajaan masih menyewa keluar kepada syarikat pengganti untuk tempoh 30 tahun atau terus-menerus menjual kepada syarikat pengganti?

Kita bukan membincangkan perkara \$3 sahaja, ini kita membincangkan harta milik yang lebih \$3 billion, mungkin lebih tinggi lagi. Dan kita boleh membawa Rang Undang-undang ini kepada Dewan Rakyat yang mulia ini dengan bermain-main sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, difahamkan bahawa Japanese National Railways yang diswastakan pada bulan April 1987, operasinya diambilalih oleh 7 syarikat—Japanese National Railways operasinya diambilalih oleh 7 syarikat. Adakah KTM juga akan diambilalih oleh lebih daripada satu syarikat? Jika ya, apakah bilangan syarikat yang akan mengambilalih KTM—5? Angka limalah asalnya.

Saya tidak tahu, Yang Berhormat Timbalan Menteri pun tidak beritahu, mungkin kalau ada Yang Berhormat Menteri juga bersama-sama dengan Timbalan Menteri, kita dapat angka yang lebih banyak, kerana dwi peringkat dan dwi Menieri, kita dapat angka yang lebih banyak.

Japanese National Railways, Tuan Yang di-Pertua, juga mencatatkan keuntungan empat kali ganda nilai keuntungan yang dijangkakan. Bagaimana dengan kes KTM?

Tuan Yang di-Pertua, teguran-teguran, soalan-soalan dan kritikan-

kritikan saya ini semuanya bernas dan membina.

**Beberapa Ahli:** Boo!

Tuan Yang di-Pertua: Ya, teruskan Yang Berhormat.

**Dr Tan Seng Giaw:** Seblah situ dia tidak berminat, di dalam perbahasan mengenai harta rakyat yang lebih daripada \$3 bilion, mungkin \$5 bilion, dia tidak berminat langsung. Itulah kecenderungan Ahli-ahli Barisan Nasional yang tidak mementingkan hak rakyat, Udak mementingkan kebajikan rakyat, tidak mementingkan kesejahteraan rakyat, tidak mementingkan wang rakyat, yang mungkin akan dibazir dan diboroskan.(disampuk)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, teruskan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua,....

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang bangun, Larut bangun ya.

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, 36(6) seseorang Ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas sesiapa Ahli lain.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, dia kata kepada scsiapa.

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** Dia kata pada Ahli Barisan Nasional.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia kata kepada semua sekali tidak mengapa.

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** Tidak apa! Dan saya minta penjelasan dari Kepong adakah dia ini makan upah hari-hari bercakap.(*Ketawa*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bangun hendak buat point of order, kemudian minta penjelasan pula. (*Ketawa*) Sila teruskan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Yang Berhormat dari Larut memang berlarutan dan fikiran itu telah berlarutan juga. Dan dengan kekeliruan yang timbul itu susahlah kita hendak melayan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Macam itu sangkaan jahat (*Ketawa*)—berlaruian.

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** 36(6) tarik balik.

**Dr Tan Seng Giaw:** Berlarutan itu parliamentary, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** 36(6) duduk! (*Ketawa*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sila duduk. Minta teruskan. *Sudahlah.* (*Ketawa*) ■ teruskan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, keputusan Tuan Yang di-Pertua yang baiklah sekarang, tepat, wajar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, teruskan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya berharap apa yang saya sebut di sini dapat dipertimbangkan oleh pihak Kementerian Pengangkutan kerana ini isu yang besar, yang penting, yang mungkin akan membawa kemudaratan kepada rakyat kalau tidak diuruskan dengan betul. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Parit Sulong.

5.52 ptg.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad (Parit Sulong):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Di dalam membahaskan Rang Undang-undang Keretapi (Syarikat Pengganti) ini, saya ingin

menumpukan kepada Fasal 3 dan juga Fasal 8, iaitu mengenai perletakhakan dan juga pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, keretapi adalah satu sistem perhubungan yang penting di negara ini sejak tahun 1885. Ini bermakna Keretapi sudah memainkan peranan pengangkutan negara ini sejak 106 tahun yang lalu iaitu sejak pembinaan jalan keretapi yang pertama dari Taiping ke Kuala Sepetang ataupun Port Weld di Perak pada 1hb Jun, 1885. Serajah keretapi selama 106 tahun di negara ini, bermakna sistem pengangkutan ini telah mencatatkan sejarah dan warisannya sendiri. Sebahagian daripada warisannya termasuklah harta-bendanya serta pekerja dan budayanya.

Maka dalam membahaskan Rang Undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya merujuk kepada masalah perletakhakan harta-harta Keretapi Tanah Melayu khususnya mengenai bangunan-bangunan, stesen serta pejabat pentadbirannya yang sebilangan besarnya mempunyai identiti senibina yang, dengan izin, historical lagi unik di negara ini. Saya harap Syarikat Pengganti KTM kelak akan memberi perhatian serius terhadap nilai sejarah dan nilai senibina yang terdapat pada sebilangan besar bangunan-bangunan KTM yang ada sekarang termasuk stesen besar serta Ibu Pejabat pentadbirannya di Kuala Lumpur. Bangunan-bangunan ini bila KTM diswastakan kelak janganlah sampai dimusnahkan keindahannya. Sebaliknya, hendaklah dipelihara dan jika perlu dipindahkan lagi supaya nilai sejarah serta keunggulan senibinanya akan menjadi tarikan dan kebanggaan bersama.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai contohnya, Ibu Pejabat KTM di Kuala Lumpur adalah di antara bangunan yang terindah di negara ini. Saya terdengar ura-ura bila perkhidmatan KTM diswastakan kelak, bangunan ini mungkin dijadikan sebuah hotel 5

bintang kerana sekarang ini ramai pihak-pihak swasta yang berebut-rebut untuk menyambar peluang ini. Walaupun apa yang terjadi, Tuan Yang di-Pertua, senibina bangunan tersebut tidak harus dibenarkan untuk diubah atau dicatatkan keindahannya. Begitu juga dengan bangunan stesen-stesen Keretapi di Ipoh umpamanya, di Pulau Pinang, di Singapura dan lain-lainnya. Keseluruhan bangunan-bangunan ini adalah bangunan-bangunan yang mempunyai identiti yang tersendiri, mereka harus dilindungi dan jika perlu digezetkan sebagai bangunan sejarah.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang izinkan saya membahaskan Fasal 8 dalam Rang Undang-undang ini iaitu mengenai pekerja keretapi yang telah memilih untuk berkhidmat dengan syarikat swasta yang akan mengendalikan perkhidmatan keretapi kelak. Segala opsyen dan syarat-syarat pekerjaan dalam syarikat swasta itu kelak hendaklah dipertimbangkan dengan cermat, teliti dan sewajarnya. Segala representation pihak pekerja dan kesatuannya perlu dipertimbangkan dengan penuh simpati.

Saya menegaskan hal ini kerana di dalam exercise, dengan izin, penswastan beberapa badan-badan Kerajaan ataupun corporation yang lalu, kita telah melihat bagaimana ketidakpuasan pekerja-pekerja terhadap opsyen, pilihan dan syarat-syarat gaji yang dikenakan kepada pekerja-pekerja itu telah menjadikan mereka mengkecam, memaki-hamun Kerajaan Barisan Nasional, sehingga di dalam pilihanraya yang lalu, sebilangan besar daripada pekerja-pekerja syarikat yang diswastakan seperti LLN dan juga Telekom, mereka tidak segan-silu untuk memainkan peranan memangkakan hasrat parti-parti Pembangkang, khususnya parti DAP. Ini saya rasa dapat diatasi, Tuan Yang di-Pertua, sekiranya wujud satu hubungan yang cordial, dengan izin, satu perhubungan yang penuh peri kemanusiaan di mana segala

isi hati, hasrat, rayuan pekerja ini dapat diberi pertimbangan dengan sewajarnya supaya segala anomalies, perubahan syarat ini sekiranya timbul, akan dapat diatasi dengan penuh musyawarah dan tidak akan akibatnya menjejaskan pekerja-pekerja ini memilih untuk menentang Kerajaan sedangkan Kerajaanlah yang menjadi majikan kepada sebilangan besar mereka.

Jadi, saya harap oleh kerana Keretapi Tanah Melayu adalah satu daripada badan Kerajaan yang akan melalui proses penswastan ini, masalah conversion ataupun penukaran syarat perkhidmatan pekerja daripada Keretapi Tanah Melayu kepada Syarikat Keretapi Tanah Melayu Berhad akan dijalankan dengan penuh pertimbangan. Segala sensitiviti desakan, segala rayuan harus dikaji, harus dikesan dan harus diselesaikan dengan serapi-rapinya, kerana kita tidak mahu lagi sebagai ahli Barisan Nasional, sebagai Ahli Anggota Komponen Parti Barisan Nasional menjadi sasaran hasil daripada exercise penswastan yang kelihatan daripada aspek opsyen ataupun menyediakan pilihan pekerjaan ini kemungkinan dijalankan dengan kurang teliti dan kurang rapi.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, ini adalah sekadar melahirkan satu harapan semoga apabila KTM ini diswastakan kelak, kita teroka kembali sejarah kecemerlangan KTM di zaman-zaman yang lampau. Umpamanya, pada tahun 1885 beberapa bulan setelah diadakan rel keretapi daripada Taiping ke Teluk Sepetang lelah wujud beberapa rel keretapi tempatan seperti rel keretapi yang diusahakan oleh Kerajaan Muar di Johor sebagaimana rel keretapi yang pernah menyambungkan Johor Bharu dengan Gunung Pulai harus difikirkan supaya rangkaian Keretapi ini akan menjadi satu mode ataupun satu sistem komunikasi yang pantas, yang reliable, dengan izin, boleh dipertanggungjawabkan, yang boleh menyelesaikan

masalah pengangkutan kepada rakyat biasa. Umpamanya, harus diterokai bagaimanakah harus disambungkan umpamanya bandar-bandar besar dengan pusat-pusat pelancongan.

Umpamanya, dari Johor Bahru ke Desaru, dari Johor Bahru ke Pekan Rompin, daripada Kuantan ke Taman Negara dan sebagainya. Oleh kerana kita mahu merasa bangga dengan keretapi sebagaimana bangganya rakyat Jepun dengan Japan National Railways (JNR) dan Shinkansen ataupun rakyat di Eropah Barat dengan System Inter Continental ataupun rakyat di United Kingdom dengan British Railnya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tanjong.

*4.00 ptg.*

**Tuan Lim Kit Siang (Tanjong);** Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Keretapi (Syarikat Pengganti) 1991 merupakan langkah yang pertama untuk menswastakan Keretapi Tanah Melayu dan ada beberapa segi dan perkara yang penting kita ambil perhatian dalam usaha Kerajaan untuk menswastakan KTM. Memang antara perkara yang mustahak ialah untuk menjamin bahawa kepentingan pekerja-pekerja KTM tidak terjejas apabila satu syarikat pengganti wujud dan mengambilalih daripada corporation untuk menjalankan KTM.

Tadi Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong ada buat complaint bahawa dalam beberapa kes-kes penswastakan dahulu, sungguhpun ada peruntukan bahawa pilihan atau option diberi kepada pekerja-pekerja yang menjadi kakitangan Kerajaan untuk menyertai syarikat-syarikat swasta baharu yang akan mengambil alih perkhidmatan yang diswastakan, kepentingan pekerja-pekerja tidak dipentingkan sehinggakan mereka dalam pilihanraya besar yang

lalu mengundi, menyokong parti-parti Pembangkang, khususnya DAP. Kita rasa bangga, kita tidak malu, kita rasa bangga oleh kerana pekerja-pekerja, termasuk pekerja kakitangan-kakitangan Kerajaan dan mereka yang sudah diswastakan mempunyai kepercayaan terhadap DAP, oleh kerana apabila mereka menghadapi masalah dalam conversion, Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional tidak mahu hirau masalah mereka, baharulah Ahli-ahli Parlimen DAP jadi champion mereka. Itulah sebab kenapa mereka menyokong DAP oleh kerana DAP faham, tahu, bersimpati dengan masalah-masalah, penderitaan-penderitaan pekerja-pekerja. Dan itulah patut menjadi satu pengajaran kepada Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional sekarang bahawa mereka janganlah mementingkan kepentingan sendiri tetapi patutlah ada masa untuk rakyat, khususnya pekerja-pekerja dan kakitangan-kakitangan Kerajaan bawahan.

Fasal 8 yang membual peruntukan mengenai perkara-perkara yang berhubung dengan kakitangan dan memperuntukkan bahawa pekerja-pekerja syarikat pengganti hendaklah diambil kerja oleh syarikat itu atas term dan syarat perkhidmatan yang tidak kurang baiknya daripada lerm dan syarat perkhidmatan yang dia berhak menikmati sebelum sahaja tarikh yang ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, ada dua point di sini, satu untuk menentukan, untuk memastikan bahawa pekerja-pekerja dalam syarikat pengganti akan mendapat term dan syarat perkhidmatan yang tidak kurang daripada apa yang mereka nikmati dalam Kerajaan atau KTM dalam kes ini.

Dan kedua, Kerajaan perlu mengambil langkah-langkah untuk menentukan bahawa terma dan syarat perkhidmatan yang buruk tidak diulangi apabila syarikat pengganti mengambil alih perkhidmatan keretapi. Satu

contohnya, quarters untuk pekerja-pekerja keretapi sangat buruk tahun demi tahun, dekad demi dekad. Baru-baru ini dalam Pilihanraya Kecil di Perai, Menteri Pengangkutan melawat quarters keretapi di Perai yang beliau sendiri mengakui sangat buruk, sub-standard untuk 20 tahun, sungguh pun sebenarnya beliau adalah Ahli Parlimen kawasan itu selama tiga penggal, 1974, 1978 dan 1982. Dalam keadaan yang begitu sub-standard dan tentulah apabila syarikat pengganti ambil alih, kita tidak mahu quarters yang begitu sub-standard, yang tidak layak didiami oleh manusia diteruskan dan bahawa ia patut diubahkan supaya quarters kakitangan-kakitangan, pekerja-pekerja railway yang diswastakan akan mendapat standard yang lebih elok.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Rang Undang-undang ini sebenarnya satu langkah untuk Kerajaan menswastakan KTM, tetapi sangat malangnya Yang Berhormat Timbalan Menteri atau pihak Kerajaan tidak ambil peluang ini untuk memberitahu Dewan dan negara, cara, bentuk, ciri-ciri penswastakan perkhidmatan keretapi. Tentulah saya percaya bahawa pihak Kerajaan sudah buat kajian yang sedalam-dalamnya mengenai bentuk, cara, ciri-ciri penswastakan dan Dewan yang mulia ini ada hak untuk mengetahui semua segala bulir-butir mengenainya sebelum kita diminta untuk meneruskan satu rangka undang-undang, a legal framework untuk menswastakan KTM tetapi apakah essence, intisari penswastakan, itulah yang mustahak, itulah yang penting. Saya rasa ini satu kecuaihan, satu tindakan yang tidak bertanggungjawab. • Tujuan Yang Berhormat Timbalan Menteri datang ke Dewan ini ialah meminta satu legal framework, betul, tetapi kita bukan sahaja mahu meluluskan satu legal framework, sebelum kita meluluskan satu rangka undang-undang, kita patut tahu apa essence, bentuk, jenis, cara penswastakan perkhidmatan ini. Adakah bentuk, cara, sistem, ciri-ciri

penswastakan itu akan lebih beruntung kepada negara, lebih cekap kerana kita tahu bahawa KTM atau perkhidmatan keretapi di tanah air kita bukan satu, dengan izin, model kecekapan, ada begitu banyak masalah yang timbul dalam perkhidmatan keretapi. Dan apa cara, apa langkah yang diambil oleh Kerajaan supaya sistem pengangkutan cara keretapi akan menjadi lebih cekap, boleh jadi satu sistem yang terbaik skali di dunia ini oleh kerana kita ada Visi 2020 yang mahu Malaysia menjadi satu negara yang maju sepenuhnya.

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

Adakah ini termasuk satu sistem keretapi yang terbaik sekali dalam dunia. Kalau begil, apa cara, adakah melalui penswastakan, Kalau begitu, apa iramework, apa privatisation framework sclain daripada legal framework. Saya rasa tanpa intisari mengenai apa cara penswastakan Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak patut datang ke sini untuk memohon Dewan ini untuk meluluskan satu legal framework.

Kalau dia tak rela untuk membentangkan cara, jenis, ciri penswastakan, beliau tidak buat homework dan dia patut tarik balik Rang Undang-undang ini kecuali beliau rela bentangkan cara penswastakan.

Kita tak patut buat satu blank cheque, legal framework boleh buat apa sahaja, tetapi kita mahu tahu intisari penswastakan ini mustahak oleh kerana kita tahu bahawa dalam beberapa penswastakan dahulu kepentingan rakyat, kepentingan negara bukan menjadi priority, keutamaan Kerajaan, Dan ada berlaku di mana penswastakan adalah dilakukan demi kepentingan golongan-golongan atau syarikat-syarikal berkaitan dengan UMNO atau Barisan Nasional. Apakah caranya penswastakan KTM? Management-buy-out atau apa? Kita tidak mahu satu give away, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Dan dalam perkara ini saya mahu sebut apa yang berlaku scmalam apabila kita bincang dalam penswastaan DCA. Saya rasa sangat malang ada orang yang begitu tidak berlanggungjawab berdiri apabila saya tidak ada di sini mengatakan apa yang saya sebut mengenai pengalaman saya sendiri mengenai penerbangan dari Pulau Pinang ke KL selama 40 minit, tetapi mahu disembark dan untuk diferried daripada Terminal 1 ke Terminal 2 terpaksa mengambil lebih daripada setengah jam. Beliau berani mengatakan itu bohong. Orang yang bohong baru bolch bual cakap begitu, orang yang bohong sahaja berani cakap apa yang beliau tidak tahu langsung.

Saya tahu bahawa ada orang yang kata bahawa saya akan dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan mengenai apa yang sebut mengenai penswastaan. FIMA Management Buy Out. Sebenarnya itupun satu penswastan, ada bersangkut-paut dengan prinsip penswastaan dan ada disebut bahawa saya tidak manyahut cabaran Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk ulangi di luar Dewan dan sebab itu mahu rujukkan saya kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan ....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, perkara itu sudah berlaku ....

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukan, itu penswastaan, di sini saya bincang daripada segi penswastaan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Sila pendekkan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Sedikit sahaja, saya tak lama dalam perkara ini. Kalau kita rujuk kepada apa yang saya ucapkan dalam Dewan ini 10hb Julai 1991, apa yang saya kata ialah "saya difahamkan bahawa untuk mengenai FIMA Management-Buy-Out, kewangan bagi management-buy-out tersebut, Tan Sri

Basir Ismail memecahkan aset-aset mendapat pinjaman dimana dijamin oleh T. Ananda Krishnan—saya difahamkan. Dan tanggungjawab saya ialah demi kepentingan orang ramai, demi kepentingan negara untuk utarakan perkara ini supaya Kerajaan buat satu penjelasan.

Kalau mahu rujukkan saya kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan, saya mengalu-alukan. Kita pergi kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan, kita mahu tahu bagaimana seorang civil servant bolch dapat \$180 juta. Dari mana, kalau bukan dari underwrite? Siapa underwrite? Bagaimana seorang bolch dapat \$180 juta apabila dia Governement servant sepenuh hayatnya? Itulah penswastaan. Itulah penyakit penswastaan. Adakah ini juga akan berlaku dalam KTM? Adakah penswastaan satu cara di mana seorang tidak ada apa-apa pendapatan yang lain bolch dalam satu malam, boleh dapat \$100 juta, \$200 juta? Itulah masalahnya yang kita menghadapi. Apakah itu prinsip penswastaan? Adakah penswastaan akan menjadi, kalau kita qoute Saddam Hussein, "Mother of corruption of all corruptions and abuses of power, dalam Malaysia." (*Tepuk*) Baik kita pergi ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Kita mahu tahu Tan Sri Basir Ismail dapat dari mana \$180 juta? (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya mahu sebut mengenai peranan pekerja-pekerja dalam KTM yang diswaslakan kemudian nanti, bahawa mereka patut boleh memainkan peranan dalam sistem baru ini, Dan saya harap bahawa Yang Bcrhormat Timbalan Menten dalam masa menggulung boleh memberi secara bukan garis kasar tetapi detail cara untuk jenis-jenis penswastaan KTM, jenis syarikat pengganti dan apakah peranan pekerja-pekerja atau RUM dalam penswastaan ini, bukan sebagai pekerja tetapi peranan mereka dalam management syarikat pengganti itu. Adakah satu peranan untuk mereka

semacam, dengan izin, workers participation dalam syarikat-syarikat pengganti dan saya rasa ini yang mustahak. Tanpa detil-detil mengenai cara, jenis penswastaan, legal framework itu adalah saya rasa terlalu awal untuk memohon Dewan yang mulia ini untuk meluluskan. Sekian, terima kasih.

**Timbaan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Mahiruddin); Arau.** Selepas itu Menteri menjawab.

4.06 ptg.

**Tuan Shahidan bin Kassim (Arau):** Tuan Yang di-Pertua, yang pertama sekali saya menyokong Rang Undang-undang Keretapi (Syarikat Penggani), 1991.

Saya bersyukur, Tuan Yang di-Pertua, kerana walaupun kritikan-kritikan pedas dibcrikan berhubung dengan penswastaan tetapi di akhirnya nampaknya semua pihak bersetuju, termasuk DAP bahawa penswastaan ini patut diteruskan, Oleh kerana dia tersilap, di akhinya dia membuat ucapan supaya hak-hak pekerja patut diberi keutamaan. Makna kata kalau dia minta hak-hak pekerja patut diberi keutamaan, dia bersetuju dengan penswastaan. Tak payah jawablah, Timbalan Menteri. Tak payah jawab sebab dia sudah bersetuju secara automatis. Mula-mula saya ingat keras umpama besi yang keras tetapi akhinya jadi air yang meleleh, yang tak boleh diterima langsung. Sebab itu Tuan Yang di-Pertua juga benarkan. Saya tidak mahu bangun, sebab dia boikot saya, saya boikot dia. Jadi, bila dia cakap saya diam, bila saya cakap, saya hendak kata. Sckarang ini saya mengatakan bahawa dengan pengalaman sekali, lepas itu kita bawa ke Dewan ini saya anggap orang itu bercakap bohong. Semalam saya balik ke Alor Setar melalui Pulau Pinang, Pulau Pinang tidak mengapa sebab kita terus pergi ke terminal dengan pintu-tangganya yang disediakan terus.

Kemudian pada pagi ini saya datang dari Alor Setar, 8.25 pagi, saya sampai tepat 45 minit, jam 9.00. Dan hanya mengambil 5 minit daripada pukul 9.00 sampai 9.05 saya sampai ke Terminal 2. Saya lagi banyak saksi, satu kapal terbang menjadi saksi. Dia ini saksi cuma wakil daripada Petaling Jaya semalam. Jadi, sekarang saya masih menuduh bahawa beliau bercakap bohong. Dan hari ini dia berbohong lagi satu, Tan Sri Basir sebagai pegawai Kerajaan. Tan Sri Basir pegawai Kerajaan apa, dia Pengerusi Bank Bumiputra dan bukan pegawai Kerajaan.

Jadi, saya ingat lagi banyak pembohongan yang dibuat dan saya tidak teragak-agak, saya juga Ketua Penyokong Kerajaan. Walaupun saya muda, saya akan terus membawa orang yang berkenaan kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Saya sudah bawa, saya harap hari Isnin ini dia akan keluar dan saya harap usul ini akan dibawa ke hadapan lebih daripada orang lain untuk membolehkan kita berhujah membuktikan bahawa yang dia saya anggap masih lagi penakut untuk menyahut cabaran Menteri Kewangan dan mengulangi kenyataannya di luar Dewan. Kalau dia berani, jangan sebut saya difahamkan, tak payah, itu tuduhan kepada orang yang tidak ada di Dewan ini.

Kalau kita berani, jangan sebut saya difahamkan, tidak payah—itu tuduhan. Tuduhan kepada orang yang tidak ada di Dewan ini. Kalau kita berani, kita hendak tuduh orang yang bukan Ahli Parlimen, tuduh di luar—aniaya orang itu dan kasihan dia. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu lagi menyebut perkara itu. Walau bagaimanapun saya hendak sentuh terus tentang keretapi.

Tuan Yang di-Pertua, Keretapi ini sekarang sudah sampailah masanya untuk diswastakan. Ini secara umum, pada masa yang lepas kita dapati keretapi ini adalah sejenis kenderaan yang murah tambangnya—dahulu \$15.00, tetapi

pada masa sekarang keretapi sudah lebih mahal daripada bas ekspres dan lebih mahal daripada teksi. Jadi, kalau tidak swasta pun orang sudah nampak macam diswastakan. Jadi, sudah sampai masanya supaya diswastakan dan ditingkatkan perkhidmatannya selaras ataupun sesuai dengan keadaan tambang yang akan dikenakan. Saya bersetuju semua, sebab saya ingat ini langkah berani Kerajaan untuk menswastakan walaupun keretapi menghadapi kerugian kerana kita melihat telah ada dua syarikat yang Kerajaan telah swastakan dan telah menunjukkan tanda-tanda kebaikan. Sebagai contohnya, Telekom. Sebelum ianya diswastakan nilai hartanya hanya \$6 bilion tetapi apabila telah diswastakan dan disenaraikan sebagai Public Company, nilai hartanya telah meningkat kepada \$12 bilion dan kita berharap Tenaga Nasional apabila disenaraikan nanti juga hartanya akan menjadi demikian.

Cumanya di sini saya ingin bertanya, Tuan Yang di-Pertua, saya amat mementingkan masalah kakitangan. Saya hendak mengambil contoh yang paling mudah, sebab yang lain-lain saya tidak dapat laporan penuh. Saya ingin mengambil contoh tentang kedudukan pegawai Kerajaan. Sebagai contohnya, katakan Pegawai A.12. Kalau dia datam Badan Berkanun dia tetap A.12—A.12 dalam Telekom dan dalam Lembaga Letrik Ncgara. Jadi, apabila diswastakan, saya percaya A.12 ini boleh menjadi berlainan. Yang masuk Keretapi tentulah kurang sedikit pendapatannya daripada yang masuk Tenaga Nasional ataupun Telekom. Sebab kita lihat Telekom dan Tenaga Nasional sudah lebih dahulu ke hadapan dan kedudukan pegawai-pegawai Kerajaan ini tidak seimbang.

Kalau sekiranya ini berlaku, saya rasa tentulah juga ada rasa kurang puas hati, sebab nanti dia kata, malangnya aku masuk Keretapi, tidak masuk Telekom ataupun Tenaga Nasional. Ini sebagai contoh kepada Pegawai Pentadbir Biasa

ataupun Superscale G. Apakah bila dia ditawarkan di dalam keretapi itu gajinya bersamaan, dan kalau sekiranya berlainan, saya percaya banyak lagi Badan-badan Berkanun yang belum lagi di swastakan, mereka akan cuba sedaya upaya untuk menempatkan diri mereka di tempat-tempat yang lebih terjamin. Memandangkan semua syarikat-syarikat yang akan diswastakan adalah Syarikat Kerajaan dan dipunyai oleh Kerajaan dan pegawai-pegawainya adalah pegawai Kerajaan yang hanya dikorporatiskan di peringkat awal, akhirnya diswastakan, jadi, apakah boleh difikirkan sedikit persamaan.

Macam Ketua Pengarah Kerelapi. Sekarang saya tidak tahu, mungkin Superscale "A" atau mungkin Superscale "B"—saya tidak mahu sebut 'difahamkan,' tetapi saya tidak tahu. Tetapi saya rasa di antara "A" dengan "B" dan bila diswastakan nanti dia jadi Pengurus Besar, apakah imbangan gaji dibandingkan dengan Pengurus Besar Telekom ataupun Pengurus Besar Tenaga Nasional. Jadi sebelum ini, contohnya, sebagai pegawai Kerajaan di peringkat biasa, demikian juga jawatan-jawatan lain seperti kerani—macam Telekom ditawarkan 3 kenaikan gaji. Apakah perkara yang sama akan diberikan kepada Keretapi?

Jadi, saya minta kalau boleh diberikan sekurang-kurangnya sama dengan yang telah diswastakan ataupun lebih, untuk membolehkan keadilan sebelum Kerajaan melepaskan anak-anaknya berdiri di atas kaki sendiri, diberi sedikit keadilan. Sebagai ibubapa, saya ingat kita bertanggungjawab untuk membcrici keadilan supaya mereka ini diberi peluang. Mula-mula diberi keadilan sebelum mereka bertanding di pasaran terbuka dan berlumba-lumba untuk mencari keuntungan demi kebaikan mereka dan juga pihak Kerajaan.

Kita juga berharap supaya kaktangan Kerajaan apabila masuk syarikat swasta nanti janganlah sikap mereka berubah.

Tiba-tiba mereka menjadi manusia yang berlainan. Sebagai contoh, sekarang ini telah berubah, Telekom berubah, di peringkat awal, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta maaf kerana ini cerita betul—bila berubah dia hendak lepas geram, sebab dahulu dia tidak mahu sains, selepas itu dia terpaksa sains sebab tengok semua kawan-kawan dia sains, lepas itu dia kata "Jangan kacau saya, saya bukan Kerajaan lagi", kerana dia lepas geram. Tetapi bila dia dapat bonus dua bulan, saya rasa dia pun senyum balik kepada kita dan pada masa sekarang kita lihat perkhidmatan Telekom begitu baik. Kita mohon hari ini, minggu depan sudah tentu dapat dan bil untuk potong juga cepat sekarang. Jadi, kita ucap tahniah kepada pegawai tersebut. Cuma sikap mereka itu jangan jadi hendak lepas geram dengan berkata "Aku bukan pegawai Kerajaan". Jangan ingat kita ini pegawai Kerajaan hendak beri sumbangan sosial. Cuma kita hendak minta di sini kepada pihak Kerajaan, dan kita hendak bertanya apakah sumbangan sosial, sebab sekarang ini mereka berniaga. Bila berniaga mereka tidak ada lagi sumbangan sosial. Apakah sumbangan sosial baik daripada Telekom, baik daripada Tenaga Nasional.

Contohnya, mereka ambil anak angkat kampung seperti di Padang Terap ataupun di kawasan Dato' Tajol, sebagai sumbangan sosial atau menjadikan kawasan Padang Terap sebagai kawasan yang terang benderang seperti Kuala Lumpur. Ini sebagai contoh sumbangan sosial Telekom dan Tenaga Nasional termasuk Keretapi.

Kita tengok Magnum dan Toto, tidak berhenti-henti dia memberi sumbangan sosial apabila ada sahaja orang sakit. Itu sumbangan sosial dia. Jadi, hak Kerajaan itu bila diswastakan diminta juga supaya ada sumbangan sosial. Kita hendak tanya supaya dengan adanya sumbangan sosial ini sekurang-kurangnya membolehkan mereka kembali semula kepada masyarakat,

bukan masyarakat yang menswastakan mereka tetapi yang kita hendak ialah supaya mereka dapat berdiri di atas kaki sendiri dan mereka dapat merasai dunia yang lebih baik, dunia yang lebih mencabar untuk kebaikan mereka dan juga untuk kebaikan bersama. Jadi, sumbangan sosial bagaimana yang harus kita buat untuk membolehkan mereka terus berada dengan masyarakat.

Itu sahaja yang saya hendak sebut di sini dan sekali lagi saya ucapkan Tahniah kepada pihak Kerajaan dan kita harap Kerajaan sentiasa berbincang dengan pihak syarikat berhubung dengan masalah setinggan yang melibatkan rumah, yang melibatkan kilang supaya sesuatu dapat dibuat untuk membolehkan mereka ini dipindahkan ke tempat yang bagus dan saya ingat sudah sampai masanya, walaupun kawasan Parlimen saya banyak juga setinggan-setinggan di dalam kawasan Keretapi, tetapi sudah sampai masanya mereka ini memastikan bahawa ini hak orang dan yang mereka duduk percuma selama ini mestilah berbayar sedikit, walaupun mereka mendapat T.O.L daripada Keretapi. Saya ingat sudah sampai masanya harus difikirkan bahawa tidak ada yang free dalam dunia ini. Jadi, kita harus juga dari masa ke semasa, walaupun DAP minta free, bila Kerajaan mengadakan budget untuk sosial, mereka menentang, tetapi bila free mereka hendak.

Jadi, kita tidak tahu dan yang sebenarnya kita sudah pening kepala dengan DAP sekarang—dia hendak cakap apa, biar dia cakap, itu dia punya fasa, tetapi Kerajaan teruskan dengan usaha-usaha untuk membangunkan rakyat, untuk memastikan rakyat sentiasa difahami, supaya tidak diconfusedkan, dengan izin, oleh mereka yang hanya mencari kepentingan sendiri, terutamanya DAP. Saya memberi amaran kepada Yang Berhormat dari Kepong, jangan ingat kalau sekiranya kita tidak bercakap

kerana tidak dapat peluang bercakap, kita tidak bertanggungjawab atas usul-usul yang dibawa oleh Kerajaan.

Walaupun dia datang di sini membaca ucapan-ucapan yang telah disediakan oleh orang lain dan kita bertungkus-lumus untuk menyediakan teks kita sendiri, kita juga bertanggungjawab, semua orang bersedia, rakan saya di sebelah sini, di sebelah belakang, sudah bersedia untuk bangun, tetapi Tuan Speaker tidak beri cakap, itu kita hormat. Kita tidak mahu berlawan-lawan. Kita pun boleh bercakap sampai satu atau dua jam, tetapi kita tidak dapat peluang bercakap. Jangan anggap dia seorang sahaja yang bertanggungjawab, semua orang bertanggungjawab. Kalau tidak, kita tidak dipilih dan datang ke sini menjadi Wakil Rakyat di Dewan yang mulia ini.

Saya menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila jawab.

4.31 *ptg.*

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan minat dalam perbahasan mengenai Rang Undang-Undang Keretapi (Syarikat Pengganti) 1991 ini.

Yang Berhormat dari Kota Melaka telah menyebut mengenai kerugian terkumpul. Sebenarnya perkara ini adalah perkara yang sama. Semalam semasa membahaskan Rang Undang-Undang Syarikat Keretapi 1991 pun itu juga perkara yang ditimbulkan.

Memang saya tidak menafikan bahawa Keretapi Tanah Melayu menghadapi kerugian. Kerugian terkumpul pada akhir tahun 1989 ialah sebanyak \$664.787 juta. Ini adalah

sebab-sebab perbelanjaan susut nilai yang tinggi dan kalau kita lihat dari segi semua alat-alat kelengkapan keretapi ini memang menghadapi susut nilai yang tinggi.

Yang keduanya, perbelanjaan faedah ke atas pinjaman untuk pelaburan adalah juga tinggi dan kemudiannya pula kadar tambang yang rendah yang sekian lama tidak pernah lagi dinaik-naikkan, yang sentiasa dikawal oleh Kerajaan, iaitu kadar tambang ini memang tidak seimbang dengan kos perbelanjaan yang dikenakan oleh pihak pengurusan keretapi.

Isu kerugian terkumpul ini akan diambil kira dalam Kunci Kira-kira yang distrukturkan semula oleh syarikat pengganti nanti. Kerugian terkumpul daripada pelaburan infrastruktur akan disimpan dalam RAC atau, dengan izin, Railway Asset Corporation.

Yang Berhormat dari Kota Melaka juga mengatakan prestasi kewangan adalah buruk dalam tahun 1986 dan kenyataan ini betul benar, tetapi dari tahun 1988 hingga 1990, KTM telah mencapai keuntungan operasi, tidaklah 100% rugi, tetapi bila dicampurkan kesemuanya terdapatlah kerugian.

Ini menunjukkan ada peningkatan dari segi pengurusan kewangannya. Yang Berhormat juga menyatakan bahawa Laporan atau Akaun Tahunan 1990 belum disiarkan lagi dan tidak dibentangkan. Sebenarnya Akaun Tahunan 1990 telah disediakan tetapi belum diaudit. Jadi, kalau belum diaudit, tidak bolehlah dibentangkan di sini. Akaun Tahunan 1988 katanya belum dibentangkan. Yang sebenarnya Akaun Tahunan 1988 telahpun dibentangkan ke Kabinet dan Akaun Tahunan 1989 telah dihantar ke Kementerian dan akan dibentangkan kepada Kabinet.

Yang Berhormat dari Kota Melaka juga telah menyebut mengenai ....

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri, Kota Melaka bangun.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Apa lagi hendak tanya?

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri berkata bahawa KTM telah mencapai keuntungan operasi pada tahun 1988 dan 1989 tetapi pada keseluruhannya, untuk 1988 dan 1989 mencapai kerugian kerana susut nilai dan juga faedah kadar pinjaman. Saya hendak bertanya di sini kerana satu daripada sebab kerugian yang dialami oleh KTM ialah kerugian tukaran matawang asing di mana pinjaman luar negeri yang diambil oleh KTM adalah berdasarkan matawang asing iaitu dalam Yen, Mark atau US dollar. Oleh kerana turun-naik matawang asing menyebabkan apabila KTM membayar balik wang pinjaman, mereka terpaksa menampung kerugian matawang asing kerana mungkin matawang ringgit turun berbanding dengan matawang asing negara peminjam.

Di sini saya hendak bertanya mengapakah hedging of currency futures, dengan izin, tidak dibuat untuk mengelakkan daripada kerugian matawang asing? Saya rasa ini adalah satu perkara yang sangat biasa, yang lazim diamalkan di pasaran wang asing iaitu FOREX, Foreign Exchange Money Markets, dan di sini mengikut. Laporan Tahunan 1987, kerugian sebanyak \$97.5 juta—saya ulangi \$97.5 juta adalah kerana kerugian tukaran matawang asing kerana membayar balik pinjaman hutang dan saya rasa satu tindakan harus diambil untuk mengelakkan kerugian ini yang boleh dielakkan dengan membuat hedging di Foreign Exchange Markets.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya timbulkan tadi ialah mengenai Laporan Tahunan 1988 yang tidak dibentangkan ....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Kota Melaka, panjang lagikah? Penjelasan pendek sahaja.

**Tuan Lim Guan Eng:** Satu sahaja. Ini pendek sahaja. Akaun Tahunan 1988 yang belum dibentangkan di Dewan yang mulia ini, saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberikan masa bila ia akan dibentangkan. Sekian, terima kasih.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah cakap tadi, Akaun Tahunan 1988 telah dibentangkan di Kabinet. Selagi belum diluluskan oleh Kabinet, tidak boleh dibawa dalam Dewan ini.

**Tuan Lim Guan Eng:** Bila?

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Kenapa hendak tanya bila pula? Sekarang ini sudah dibentangkan dalam Kabinet tetapi belum dibawa lagi ke Dewan ini. Mungkin di sidang yang lagi satu. Fahamkah tidak?

**Beberapa Ahli:** *(Disampuk)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Teruskanlah Yang Berhormat.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Seolah-olah Yang Berhormat ini tidak mahu memahami dan hendak memburuk-burukkan Kerajaan Barisan Nasional sahaja. Itulah dia itu. Jadi, mengenai pertukaran wang asing, saya sudah katakan tadi, perbelanjaan faedah yang tinggi ke atas pinjaman pelaburan. Jadi, oleh kerana itulah, Yang Berhormat pun tahu kerana tukaran matawang. Kita buat hedging pun kalau negara lain yang tempat kita meminjam itu 4, 5 kali dia hendak naikkan harga nilai wang dia, apa kita hendak buat? Itu kadang-kadang adalah di luar jangkaan kita dan di luar kuasa kita. Oleh kerana kita terpaksa mendapatkan pinjaman dari luar, terpaksa jugalah kita menghadapi risiko-risiko seperti ini.

Saya kata tadi tahun 1988 hingga 1990 bererti 1988, 1989, 1990 KTM telah mencapai keuntungan operasi. Tetapi bila dicampurkan dengan pinjaman dan sebagainya, rugi. Ini tidak bererti bahawa KTM sepanjang-panjang masanya rugi.

Yang Berhormat juga telah menyentuh mengenai isu kakitangan. Isu kakitangan ini disentuh oleh Yang Berhormat dari Kepong, Yang Berhormat dari Tanjong, Yang Berhormat dari Arau dan juga Yang Berhormat dari Parit Sulong.

Sukalah saya mengatakan bahawa kakitangan KTM yang sedia ada ini seperti dasar penswastaaan Kerajaan. Hari ini mereka ini dijamin terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan yang tidak kurang dari yang mereka nikmati sekarang. Jaminan itu juga terdapat dalam Akta kita ini iaitu Bahagian III, Fasal 8 khusus mengenai perkara ini. Jadi, tidak timbullah isu kepada kakitangan kita ini akan dianak-tirikan, akan ditindas dan sebagainya. Saya juga telah menjawab bagi Rang Undang-undang Keretapi 1991 perkara yang sama yang dibangkitkan iaitu RUM (Railway Union of Malaysia) yang mulamulanya dahulu, kata Yang Berhormat Kepong, memang tidak bersetuju diperbadankan atau diswastaaan KTM ini walaupun memberikan persetujuan mereka kerana mereka telahpun mengkaji. Kita runding dengan mereka dari segi terma-terma dan syarat-syarat ini. Oleh kerana mereka akan mendapat manfaat, maka mereka membuat resolusi bersetuju. Jadi, tidak timbullah lagi kisah mengenai kakitangan tadi ini.

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Kepong bangun.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Apa lagi Yang Berhormat hendak? Saya belum habis menjawab

tegaran Yang Berhormat tadi. Kisah kaki tangan juga? Tidak ada apa lagi yang hendak saya tambahkan dari segi kakitangan kerana itulah semuanya syarat-syarat dan terma-terma. Cuma penswastaaan yang lalu itu memanglah parti-parti Pembangkang mengambil kesempatan terutamanya di pilihanraya-pilihanraya kecil, pilihanraya umum, mereka menghasut-hasut pekerja ini. Mana-mana Jabatan, ataupun Kementerian ataupun agensi-agensi hendak diswastakan, belum sempat diswastakan, masih dalam perundingan, mereka pun katalah kepada pekerja-pekerja, mereka akan rugi dan sebagainya. Ini berlaku, kita tahu di kebanyakan pilihanraya-pilihanraya kecil telah berlaku macam itu.

Yang Berhormat dari Tanjong tadi berasa begitu megah dan gembira bahawa orang-orang ini semua menyokong beliau, tetapi setelah menyokong DAP, apa mereka dapat hari ini? Mereka terpaksa juga pergi kepada Kerajaan, terpaksa juga meminta pembangunan dari Kerajaan. Apa hasil yang mereka dapat?

Yang Berhormat dari Kepong mengatakan bahawa melihatkan prestasi kewangan KTM yang tidak baik ini apa akan jadi kepada kakitangan jika syarikat mengalami kerugian dan sebagainya. Saya sudah berkali-kali juga menyebutkan mengenai usaha iaitu melalui perbadanan ini syarikat penggantinya ialah Keretapi Malaysia Berhad iaitu syarikat 100% kepunyaan Kerajaan dan kalau Yang Berhormat dari Tanjong tadi hendakkan ciri-ciri, cara-cara, syarat-syarat, itu semuanya, rasa saya tidak perlulah kita beri sebab syarikat ini 100% kepunyaan Kerajaan. Segala keraguan, syak-wasangka yang timbul dalam pemikiran masing-masing mengenai nanti ada orang politik yang dapal cara management buy-out dan sebagainya itu rasa saya belumlah lagi perlu dibimbangkan kerana 100% ianya akan dipunyai oleh Kerajaan dan segala

aset-aset yang ada pada Keretapi Tanah Melayu dimasukkan kepada Railway Asset Corporation atau Perbadanan Aset Keretapi.

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, hendak beri jalan atau tidak? Hendak beri jalan?

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Saya banyak sangat hendak mcnjawab ini, tidak payahlah tanya dulu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Dia tidak beri. Yang Berhormat Kepong, sila duduk.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Soal nasib dan peranan kakitangan selepas diswastakan tadi itu pun; dalam mana-mana syarikat swasta peranan kakitangan penting kalau mereka hendak berjaya dalam syarikat itu. Dalam swasta juga kalau produktiviti meningkat, keuntungan syarikat itu bertambah, mereka dapat tambah lagi lebih. Selain daripada gaji mereka akan dapat bonus. Pihak syarikat pengganti iaitu Keretapi Malaysia Berhad ini akan terus melatih pekerja-pekerja dan pegawai-pegawainya supaya mereka ini cekap dan ini akan memberikan faedah dan manfaat kepada pekerja-pekerja itu sendiri.

Yang Berhormat dari Kepong juga begitu bimbang bahawa syarikat yang akan menggantikan nanti adalah syarikat yang \$2 sahaja, macam-macam kebimbangan beliau. Saya haraplah Yang Berhormat janganlah risau-risau sangat. Kerana Kerajaan Barisan Nasional bukanlah Kerajaan main-main. Kerajaan ini sudah memerintah negara ini sejak ianya merdeka. Dan kalau ada salah silap di sana sini, ini bukan kerana ....

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Dia telah beri notis, dia tidak beri jalan.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:....** bukan kerana Kerajaan. Ada manusia-manusia yang saya tahu Yang Berhormat-Yang Berhormat dari DAP semua hendak minta saya beri jaminan yang saya kata memang ada ramai manusia yang jahat hati, jahat mulut, jahat macam-macam tadi itu, memang kita tidak boleh hendak jamin.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat dari Kepong, Timbalan Menteri lelah beri notis dia tidak beri jalan.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Jadi, syarikat pengganti yang akan kita lubuhkan ini akan mempunyai modal operasi sebanyak \$200 juta, bukan \$2.

Yang Berhormat dari Kepong sama Yang Berhormat dari Tanjong tadi hendakkan ciri-ciri, cara-cara dan sebagainya; saya sudah huraikanlah serba sedikit tadi itu. Rasa saya tidak perlulah saya huraikan sebab syarikat yang akan menggantikan adalah syarikat 100% kepunyaan Kerajaan.

Yang Berhormat juga menyatakan bahawa ....

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kota Melaka bangun.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Yang Berhormat juga mengatakan bahawa rolling stock rail dan sebagainya tadi ini akan ....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Timbalan Menteri, Kota Melaka bangun.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Tidak payah, tidak payah.

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Menyampuk*)

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** . . . . akan disewakan 30 tahun. Saya kata tidak payah.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Bukan tidak hormat, tidak dengar. Dia tidak beri jalan. Dia tidak beri jalan.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Saya sudah kata tidak payah, Yang Berhormat tidak dengar.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Dia tidak beri jalan.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Sebenarnya Ahli-ahli Yang Berhormat dari DAP ini, benda ini sudah ditanya semalam, sudah dijawab tadi. Yang Berhormat dari Kepong tadi tidak ada semasa saya menjawab. Jadi ditanyanya balik, soalan-soalannya ditanyanya semula. Ini saya terpaksa jawab lagi.

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Duduklah, Yang Berhormat, tidak payahlah tanya lagi. Yang Berhormat punya soalan itu pun sudah cukup panjang.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Kepong, sila duduk!

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Rolling stock tadi yang dikatakan sama ada dijual atau hendak disewakan. Segala rolling stock KTM ini akan dipindahkan kepada syarikat pengganti pada 1hb Januari 1992. Bukan disewakan atau dijual.

Dan isu tanah. Isu tanah-tanah keretapi memang nampaknya semua orang berminat dengan tanah-tanah keretapi ini yang sekarang diduduki oleh setinggan, ada kilang dan sebagainya. Tanah-tanah keretapi ini ada dua jenis. Tanah-tanah bermilik dan lanah rizab. Tanah-tanah bermilik akan diambilalih oleh Railway Asset Corporation iaitu badan yang akan kita tubuhkan. Dan tanah-tanah rezab pula dikawal di bawah Ketua Pengarah Tanah dan Galian. Soal syarikat pengganti sewenang-wenangnya hendak menjualkan atau menyalahgunakan tanah ini memang tidak timbul kerana aset-aset itu dipegang oleh satu badan yang akan kita wujudkan.

Mengenai tempoh hendak menswastakan; Yang Berhormat tadi sibuk dengan angka 5. Angka 5 ini kebiasaannya ialah satu tempoh di mana biasanya kita membuat satu rancangan. Rancangan negara kita pun lima tahun, lima tahun. Dalam tempoh setahun dua kita tidak mudah hendak menengok kejayaan atau daya maju mana-mana syarikat. Oleh kerana itu kita perlu memberikan satu tempoh yang munasabah. Jadi kita rasa 5 tahun ini munasabah. Tetapi bagi keretapi ini yang Yang Berhormat sendiri mengaku bahawa ianya memberi perkhidmatan sosial dan sebagainya, mungkin agaknya kita perlu lima hingga tujuh tahun pula. Ini menengok kepada keadaan. Dan syarat-syaratnya tadi memang ditentukan, akan ditetapkan. Tidak perlulah saya hendak beri segala syarat-syarat itu di sini kerana ini akan berlaku setelah syarikat pengganti ini berjalan selama 5 tahun. Mungkin setengah penggal atau dalam tiga tahun agaknya dikaji, dibuat penelitian barulah ditentukan syarat-syarat dan sebagainya. Ianya perlu. Masa ini perlu kerana kita perlu menengok daya majunya, track recordnya dan menengok unjuran-unjuran yang dapat dijayakan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Parit Sulong juga menyebut mengenai terma-terma dan syarat-syarat kerja yang telahpun saya jawab tadi bersama-sama dengan Yang Berhormat-Yang Berhormat yang lain.

Yang keduanya mengenai stesen-stesen iaitu Ibu Pejabat KTM direzabkan atau digezetkan katanya tadi. Memang KTM sesungguhnya akan menjadikan sebuah hotel mewah di tempat itu tetapi rupa bentuk bangunan tersebut akan dikekalkan. Ia tidak akan dirobohkan malahan akan diperindahkan. Sesuaiilah dengan kehendak-kehendak Yang Berhormat sebutkan tadi itu.

Yang Berhormat dari Tanjong menyentuh mengenai isu pekerja ini telahpun saya sentuh. Ciri-ciri juga telah saya jelaskan tadi. Saya hendak tambah sedikit iaitu setelah diperbadankan di bawah Akta Syarikat dan kemudian apabila menunjukkan daya maju secara terus menerus dalam tempoh 5 hingga 7 tahun, saham-sahamnya akan dijual di Bursa Saham secara tawaran kepada umum, Public issues, dengan izin. Soal management-buy-out ini tidak timbul dalam penswastaaan Keretapi Malaysia Berhad ini.

Yang Berhormat dari Tanjong juga bimbangkan mengenai keadaan quarters  
.....

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat):** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, Tumpat bangun. Orang baru. Hendak beri jalan?

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Sila.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Apakah kakitangan KTM tidak ada tawaran istimewa mengenai saham-saham yang akan dikeluarkan?

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Itu saya tidak dapat jawab sekarang. Dia ada Public Issues. Bila ada Public Issues esok bolehlah kakitangan beli sama seperti agaknya penswastaaan yang lain. Beliau risau akan quarters KTM. Memang dalam Dewan ini juga saya telah menjawab soalan mengenai quarters KTM. Bukanlah KTM terpaksa menunggu ianya diswastakan baru pula dia dapat memperbaiki keadaan quarters KTM yang ada. Bahkan KTM mempunyai tidak kurang daripada 9,000 unit quarters berhagai-bagai kelas. Dan sekarang ini pun KTM telahpun memperbaiki, memberikan kemudahan-kemudahan asas yang tidak ada seperti meter air, meter api yang berasingan, bekalan-bekalan air dan api elektrik dan sebagainya kepada quarters itu dan memperbaiki mana-mana quarters yang sudah uzur.

Di samping itu KTM juga membina rumah-rumah pangsa, misalnya di Bangsar 400 unit rumah pangsa dibina untuk pekerja-pekerja KTM, ada 290 lebih unit rumah diganti dan ini apabila diswastakan nanti dan sekarang ini pun oleh kerana kakitangan dan pegawai-pegawai ini mendapat pinjaman Kerajaan, maka mereka digalakkan supaya membeli rumah-rumah mereka sendiri agar scitlah mereka berhenti besok tidaklah mereka susah pula baru hendak mencari rumah.

Yang Berhormat Tanjong tadi menyebut tentang peranan pekerja-pekerja yang telahpun saya sentuh juga. Yang Berhormat dari Arau mcnyebut mengenai pcnyamaan gaji. Sebagai sebuah badan perniagaan berbanding dengan Kerajaan, tahap gaji dan pemberian bonus dan lain-lainnya bergantung kepada keuntungan. Apatah lagi kerana industri antara Telekom, Elektrik dan Keretapi ini agak berbeza, tetapi yang kita boleh beri jaminan bahawa di tahap mana seseorang pekerja atau pegawai itu sekrang ini, ianya tidak akan menurun, maknanya tidak kurang daripada apa yang dinikmatinya

sekarang. Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat dari Arau yang begitu memahami masalah-masalah yang dihadapi oleh Keretapi Tanah Melayu.

Mengenai pegawai A.12, tanggagaji yang diterima pakai oleh KTM adalah sama dengan pegawai-pegawai Kerajaan yang lain. Apabila dipcrbadankan kelak, pegawai dalam tanggagaji A.12 akan ditawarkan dengan tanggagaji yang tidak kurang daripadanya.

Mengeni sikap kakitangan, saya bersetuju sepertimana yang telah saya katakan tadi bahawa prestasi, produktiviti, sikap kakitangan ini akan menunjukkan bahawa mereka ini memberi sumbangan kepada syarikat dan apabila syarikat mendapat keuntungan, mereka juga akan mendapat manfaat dan faedah.

Yang Berhormat dari Arau juga telah menyebutkan mengenai sumbangan sosial. Memang ini perkara biasa sama ada perbadanan atau syarikat-syarikat ini memang biasa memberikan sumbangan sosial. Syarikat pengganti KTM tidak terkecuali dalam usaha memberikan sumbangan sosial kepada masyarakat. Sebagai contoh, program mencantikkan stesyen, sumbangan dalam bidang pelajaran dan lain-lain dan apabila lebih banyak keuntungan diperolchi lebih banyakkah sumbangan sosial akan dapat diberikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa sedikit kesal kerana nampaknya Yang Berhormat dari Tanjong beria-ia sangat mencabar ladi mengatakan saya tak buat homework, saya tidak buat itu, tidak buat ini dan sebagainya. Semalam Yang Berhormat Kota Melaka mencabar Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, hari ini Tanjong pula mencabar saya. Nampaknya mereka ini hendak mencari peluang sahaja, kesempatan untuk hendak memburuk-burukkan Kerajaan dan pada hemat saya, selama ini nampaknya DAP ini sentiasa negatif sahaja pandangannya. Apa sahaja yang

kita buat, mereka kata tidak betul, nanti rosaklah, jadi beginilah, beginilah dan sebagainya.

Saya ingin meyakinkan bahawa kami sedar ....

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Nanti dahulu, Yang Berhormat. Kami sedar bahawa semua yang dibelanjakan ini adalah wang rakyat dan semua manfaat faedah yang kita buat itu balik juga kepada rakyat. Kita adakan perkhidmatan keretapi dcngan tambang yang rendah yang dikawal oleh Kerajaan untuk kepentingan siapa? Untuk kepentingan rakyat, termasuklah Ahli-ahli Yang Berhormat. Kalau agaknya Ahli Yang Berhormat hendak naik keretapi, memang ada pas percuma, tetapi nampaknya sekarang orang tidak mahu naik keretapi, sebab akan memakan masa 4 jam 5 jam. Lebih baik naik kapal terbang, mungkin 40 minit atau satu jam sahaja. Jadi saya sungguh berasa terkilan bila dikatakan kita main-main sahaja. Ini adalah perkara yang serius dan kita membentangkan Rang Undang-undang ini minta diluluskan ialah untuk menentukan bahawa apajuga yang kita laksanakan itu ada panduannya, ada cara-cara yang kita boleh menjalankan kerja itu. Kalau tidak ada Rang Undang-undang inilah nanti jadi kecoh, sesiapa sahaja boleh buat sesuka hatinya.

Oleh kerana adanya Rang Undang-undang ini maka kita semua terkawal. Apa yang kita lakukan mesti mengikut segala peruntukan dalam bahagian-bahagian dan fasat-fasal yang tertera dalam undang-undang ini. Ini bukan main-main. Saya sekati lagi ingin menyatakan rasa kesal saya terhadap sikap dan anggapan Ahli-ahli Yang Berhormat dari DAP terhadap prkara seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Penua  
*mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 8—*

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kepong.

**Dr Tan Seng Giaw:** Pasal 3(1), Bahagian 2 peruntukan-peruntukan perletakhakkan. Di bawah fasal ini segala harta, hak atau liabiliti Perbadanan Aset Keretapi yang dinyatakan oleh Menteri dalam perintah itu dipindahkan dan terletak pada syarikat pengganti. Adakah liabiliti ini termasuk tanggungan hutang KTM serta pelaburan infrastruktur yang dibuat oleh Kerajaan semasa pengurusan masih di bawah perbadanan atau tidak. Jika tidak, adakah penjualan KTM kepada syarikat pengganti akan mengambil kira juga tanggungan serta kos pelaburan yang dibuat oleh Kerajaan sekian lama ini atau sekurang-kurangnya ketika KTM di bawah perbadanan. Kononnya sebuah bank harta tnilik mungkin ditubuhkan untuk mengambilalih kesemua hartanah KTM yang masih belum digunakan. Adakah Bank Hartanah ini sekiranya ditubuhkan juga turut berpindah hak kepada syarikat pengganti.

Tuan Pengerusi, yang pentingnya pihak di dalam DAP, kita memang bersetuju dengan cara-cara yang boleh membawa manfaat kepada masyarakat di dalam membina sesuatu projek dan di dalam mengurus sesuatu perkhidmalan, akan tetapi sekiranya timbul masalah, sekiranya ada penyelewengan dan kepincangan, memang kita menyoalkan, membongkar, membidas, mengkritik supaya ketidakbetulan ini dapat dibetulkan. Itulah memang cara pihak Pembangkang untuk membangkitkan masalah di dalam Dewan yang mulia ini. Katau tidak, semuanya ....

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, Fasal berapa? Dalam Jawatankuasa ini.

**Dr Tan Seng Giaw:** Ya, Jawatan kuasalah ini. Point-point yang saya bangkitkan di sini ada setengah-setengahnya tidak pernah dijawabkan. Semalam saya kata 'North landing right' MASKah and 'South landing' MASKah, tidak dijawab langsung ....

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat sila teruskan, sebutkan Pasal-fasal ya, ini dalam Jawatankuasa.

**Dr Tan Seng Giaw:** Pasal 6(1), Bahagian II, perlantikan wakil-wakil Kerajaan menganggotai lembaga syarikat pengganti, adakah wakil-wakil Kerajaan ini dari Kementerian Pengangkutan atau Kementerian Kewangan yang masih berkhidmat atau yang sudah bersara atau tokoh-tokoh perniagaan. Mengapakah Kerajaan tidak menetapkan bilangan perwakilan Kerajaan yang minimum dan maksimum dalam lembaga syarikat pengganti. Pasal ini juga menyebut tentang hal Kerajaan Malaysia melantik wakil ke lembaga syarikat pengganti selagi Kerajaan Malaysia memegang tidak kurang daripada 5% keseluruhan ekuiti terbitan syarikat pengganti.

Tuan Pengerusi, apakah peratus ekuiti yang paling maksimum yang mungkin yang dipegang oleh Kerajaan Malaysia. Adakah Kerajaan mempunyai hasrat untuk mengurangkan pegangan ekuiti ke bawah 5% pada lambat-launnya, jika ya, di bawah keadan-keadaan manakah Kerajaan bercadang melucutkan kesemua kepentingannya dalam syarikat

Tuan Pengerusi, yang pentingnya walaupun di dalam tempoh 5 tahun ini KTM diperbadankan dan terkemudian-nya ia akan diswastakan, sebab itulah soal ekuiti, soal pemilikan, soal-soal yang telahpun kami bangkitkan di sini penting, 5 tahun sahaja, selepas itu diswastakan, bukan 100% Kerajaan bila diswastakan. Jadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri mungkin salah faham dari segi ini, sebab dia menganggap badan ini diperbadankan untuk selamatamannya. Jadi sikap sebeginilah tidak betul.

Bahagian II, Fasal 7(1), Struktur kewangan syarikat pengganti. Di bawah Pasal ini Menteri Kewangan boleh mengarahkan supaya satu jumlah wang tidak melebihi untung terkumpul dilaburkan dalam "rizab statutori" sebelum syarikat pengganti terhenli dipunyai pada keseluruhannya oleh Kerajaan Malaysia. Adakah ini bermakna setelah KTM diperbadankan keuntungan tahunan tidak akan dilabur semula, tetapi disimpan untuk melonggokkan wang menjadi rizab statutori, jika tidak bagaimanakah caruman kepada rizab diaturkan? Seandainya KTM setelah diperbadankan masih mengalami kerugian setiap tahun untuk 5 tahun berturut-turut, apakah tindakan Kerajaan untuk mengesyorkan rizab statutori tertubuh? Ini semua terpaksa diawasi dan perlu dijawab dengan tepat. Walaupun ada orang yang tidak sukalah soalan-soalan seperti ini dibangkitkan, tetapi biarlah mereka sungguh-sungguh menunjukkan belangnya tidak memelihara kepentingan rakyat.

Fasal 7(2), Bahagian II. Ini mungkin termasuk Gerikkah? Rizab statutori hanya boleh digunakan oleh syarikat pengganti untuk membayar syer-syer tak diterbitkan syarikat itu yang hendaklah diumpukkan kepada anggota syarikat itu sebagai syer-syer bonus berbayar penuh. Bolehkah Kerajaan mendefinisikan anggota syarikat, lazimnya syer, bonus dibcri berasaskan kepada bilangan unit saham yang dipunyai oleh seseorang pemilik ekuiti? Bagaimanakah syer bonus syarikat pengganti di bawah Fasal ini akan diumpukkan?

Tuan Pengerusi, mengapakah Kerajaan memandangkan perlu untuk menubuhkan sebuah rizab statutori khas untuk membantu syarikat pengganti membeli semua syer yang tidak diterbitkan pada tempat pertamanya. Mengapakah syarikat pengganti yang menerbitkan syer perlu membeli kesemua syernya sendiri yang tidak diterbit, biasanya sungguhpun bukan keseluruhan modal syarikat dibayar sepenuhnya bagi modal yang belum berbayar dalam bentuk syer tidak diterbit, dibiarkan begitu sahaja sehingga syarikat memerlukan tambah modal, maka baki syer ditawarkan lagi. Mengapakah Kerajaan tidak menggunakan wang itu untuk membayar balik hulang atau membiayai kos infrastruktur yang ditanggunya masa sebelum dan selepas KTM diperbadankan? Semua ini sangatlah musatahak untuk diteliti dan dijawab kepada Dewan yang mulia ini.

Tuan Pengerusi, saya bangkitkan soal-soal seperti ini kerana pernah saya bangkitkan mengenai bahan-bahan letupan dan bahan-bahan racun di dalam Dewan yang mulia ini, beberapa tahun dahulu dan tidak dikesah, tidak diambil endah sehingga Bright Sparklers di Sungai Buluh ....

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, itu tidak berkaitan dengan ini.

**Dr Tan Seng Giaw:** . . . Sungai Buluh meletup dan mengorbankan begitu banyak nyawa rakyat Malaysia. Itulah sebabnya kita bangkitkan soalan seperti ini dan lain kali kalau ada skandal yang rasaksa berlaku dengan KTM, saya tekankan ini hari ini dan pihak kami semua bangkitkan hal ini, kalau terkemudiannya berlaku masalah skandal, jadi kita telah beri peringatan sekarang, amaran yang cukup. Walaupun Gerik, Gerik dia tidak mahu dengar, memangtuh masalah timbul kerana .... (*Disampuk*) ini point.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat panjang lagi?

**Dr Tan Seng Giaw:** Ini point, tidak panjang, tetapi itulah Fasal 7(3), Bahagian II. Ini point. Point ini, nilai apa-apa aset atau hak amaun apa-apa liabiliti Perbadanan. Setelah diletakkan pada syarikat hendaklah dikira sama ada mengikut nilai dalam penyata akaun perbadanan pada tahun sebelum syarikat mengambilalih atau mengikut penyata akaun yang disediakan oleh pentadbiran Keretapi yang telah diwujudkan di bawah Ordinan termansuh, sekiranya penyata akaun tidak disediakan oleh perbadanan,

Tuan Pengerusi, soalan utama sekali ialah sama ada menurut penyata akaun perbadanan atau yang disediakan oleh Pentadbiran Keretapi, adakah Kerajaan akan mengesyorkan nilai tanah hakmilik KTM ditaksirkan semula mengikut harga pasaran dan bukan diberi nilai tanda \$1 kecuali tanah-tanah yang diperolehi selepas Januari 1973 yang dinilai mengikut kos sebenar?. Jika tidak, mengapa? Jika ya, apakah nilai sebenar jumlah besarian yang dimiliki oleh KTM?

Kedua, di bawah keadaan-keadaan manakah perbadanan boleh tidak menyediakan penyata akaun tahunan. Ini adalah perbuatan yang tidak bertanggungjawab. Kerajaan mesti

mengesyorkan setiap tahun penyata akaun dikemukakan dan sebaik-baiknya mesti diaudit oleh Ketua Audit Negara.

Tuan Pengerusi di sini dengan lulusnya Rang Undang-undang ini, maka badan KTM ini boleh menjalankan kegiatan perniagaan tanpa gangguan daripada Perbendaharaan, sebab itulah akaun seperti ini perlu dibuat.

Di dalam usaha untuk memperbadankan KTM ini, satu tujuan utama ialah mengelakkan gangguan daripada Perbendaharaan untuk mengawal-seliakan aktiviti-aktiviti KTM.

Fasal 8(1) Bahagian III, Kakitangan. Fasal ini tidak menulis dalam hitam-putih bahawa kakitangan yang memilih untuk bekerja dengan syarikat pengganti akan diberi peluang membeli saham. Adakah ini berhubungan dengan syer bonus berbayar sepenuhnya? Jika tidak ada hubungan, maka adakah ini bermakna Kerajaan telah memungkir janji untuk memberi peluang kepada para pekerja membeli saham syarikat ini? Ini memang satu janji oleh pihak Kerajaan untuk membolehkan kakitangan KTM membeli saham di dalam badan yang bakal ditubuhkan itu. Dan kalau tidak ada dalam hitam-putih, mungkin janji ini boleh diabaikan, tidak akan ditunaikan, dan walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri, amalannya dan tabiatnya untuk menafikan semua untuk mengatakan kata-kata yang sungguh manis, tetapi ini tidak boleh dikaitkan dengan apa yang akan terjadi, teorinya dengan amalannya. Amalnya adalah penting untuk memelihara kepentingan kakitangan KTM dan juga menjaga kepentingan rakyat jelata. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Fasal-fasal 1 hingga 8 jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Dr Tan Seng Giaw:** Dia terpaksa jawab, Tuan Pengerusi, ini di dalam Jawatankuasa.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Mcmang hendak jawab.

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Sila.

5.12ptg.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Yang Berhormat lelah menimbulkan iaitu fasal tanggungan RAC 3(1), 6(1), 7(1), 7(2), 7(3) dan 8. Saya rasa tidak payah jawab satu persatu mengenai kos pelaburan. Semua kos pelaburan infrastruktur yang telah diperuntukkan sehingga Rancangan Malaysia Keenam akan diambilalih oleh Kerajaan di bawah Railway Asset Corporation, dengan izin, dan bagi pelaburan operasi yang memulau KTM akan diperbadankan, ini adalah tanggungjawab syarikat pncngganli Keretapi Malaysia Berhad.

Mengenai perletakhakan hutang dan kos pelaburan, hutang tidak dipindah kepada syarikat pengganti. Syarikat pengganti akan bertanggungjawab ke atas kos pelaburan stock rail sahaja, iaitu kos pelaburan infrastruktur ditanggung oleh Kerajaan.

Mengenai Fasal 7, sebenarnya Fasal 7 dalam Rang Undang-undang ini keseluruhannya adalah bermaksud membuat peruntukan mengenai struktur kewangan syarikat pengganti, iaitu tiap-tiap bab itu adalah untuk memberikan panduan mengenai struktur kewangan syarikat pengganti, iaitu apabila harta-harta, liabiliti yang dipegang oleh Perbadanan Aset Keretapi diperletakhakan kepada syarikat pengganti dari masa ke semasa di bawah arahan Menteri dan ianya juga memperuntukkan mengenai saham Kerajaan dalam syarikat pengganti, iaitu mengenai pelupusan saham tersebut juga. Dan kita telah ada menyebut dalam

Rang Undang-undang Keretapi 1991 bahawa saham yang dipegang oleh Kerajaan walaupun 5%, walaupun 50% ianya akan menghantar wakil menduduki. Setakat ini tidak ada cadangan pula bahawa kurang daripada 5% ianya akan tetap menghantar wakil dan ini sudah saya jawab mengenai Rang Undang-undang Keretapi semalam, iaitu mengenai siapa yang akan menjadi wakil dan sebagainya. Sayasudah jawab, Yang Berhormat tidak payahlah tanya lagi kerana wakil-wakil Kerajaan ini yang katanya tidak ada ditentukan bilangannya itu kerana ini memberikan kemudahan iaitu kalau perlu hanya satu—kita letak satu; kalau kita perlu ramai—kita letak ramai pula. Jadi, ini memberikan kemudahan untuk bahagian-bahagian bagi menstruktur kewangan.

Begitu juga dari segi reserve statutory dan untuk membeli syer dan sebagainya. Jadi, kalau syer yang tidak diterbitkan . . . .

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kepong, sila duduk.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:**.... siapa hendak beli. Syarikat itu sendirilah yang beli kalau belum diterbitkan, iaitu syer-syer yang belum diterbitkan syarikat itu sendiri kena beli dahulu kemudian apabila dikeluarkan sebagai Public Issue, barulah ianya dapat dibeli oleh orang ramai.

Kemudian mengenai taksiran nilai tanah KTM. Taksiran nilai tanah KTM akan dinilai semula mengikut harga pasaran apabila Keretapi Malaysia Berhad diswastakan napti, iaitu apabila saham-sahamnya telah mula dijual di Bursa Saham. Bagi permulaannya semasa ia diperbadankan, tanah-tanah KTM tidak akan dinilai mengikut pasaran oleh kerana Keretapi Malaysia Berhad adalah 100% kepunyaan Kerajaan.

Jadi, itulah dia keadaannya dan rasa saya telah dapat menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat itu tadi. Terima kasih.

*Fasal 1 hingga 8* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG OPTIK

Bacaan Kall Yang Kedua dan Ketlga

*5.18ptg.*

**Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin);** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta bagi mengadakan peruntukan mengenai pendaftaran orang-orang yang menjalankan amalan sebagai juruoptik dan optometris, bagi mengawal amalan optometri, dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibaca kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang ini diwujudkan untuk mengatur dan mengawal amalan optometri di negara ini. Pada masa ini tidak ada undang-undang di negara ini untuk mengatur dan mengawal amalan optometri. Oleh yang demikian, sesiapa yang ingin mengamalkan sebagai juruoptik atau optometris hanya perlu berdaftar dengan Pendaftar Perniagaan, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang terdapat 500 orang juruoptik dan 160 orang optometris di negara ini. Kebanyakan optometris adalah graduan-graduan daripada universiti-universiti seberang laut seperti daripada negara Australia, New Zealand, United Kingdom dan Amerika Syarikat.

Di negara ini, Universiti Kebangsaan Malaysia telah pun memulakan kursus Ijazah Sarjana Muda Sains Optometri pada tahun 1981. Kursus ini adalah sepenuh masa selama 4 tahun. 7 orang graduan pertama telah pun lulus dalam tahun 1985 dan jumlah graduan hingga tahun 1989 adalah 57 orang. Pengambilan mahasiswa bagi kursus ini telah bertambah dari 9 orang untuk sesi 1982/1983 kepada 19 orang untuk sesi 1989/1990.

Tuan Yang di-Pertua, seseorang juruoptik adalah terhad untuk mempreskripsi dan mendispensa cermin mata dan udak termasuk kanta lekap atau pun contact lense, manakala seseorang optometris adalah layak untuk mengamalkan praktis optometri. Walau bagaimanapun di negara ini ramai orang termasuk orang-orang yang tidak mempunyai latihan atau kelayakan telah membuka kedai untuk menjalankan amalan optometri. Mereka ini memberi preskripsi untuk cermin mata termasuk kanta lekap.

Preskripsi cermin mata yang tidak betul akan mengakibatkan rasa tidak selesa kepada mata, keletihan mata dan sakit kepala; manakala preskripsi kanta lekap yang tidak betul akan mengakibatkan kerosakan kepada kornea yang boleh membawa kepada parut kornea (corneal scarring) dan kurang penglihatan atau buta. Penyalahgunaan ubat untuk maksud refraksi boleh membawa kepada penyakit glaukoma serta kerosakan mata yang kekal.

Orang awam perlu dilindungi dari amalan orang-orang yang tidak mempunyai kelayakan atau latihan. Bagi maksud ini, satu undang-undang untuk mengawal amalan ini perlu diadakan. Rang Undang-undang Optik ini telah digubal oleh Kementerian Kesihatan dengan nasihat dan perundingan dengan wakil-wakil dari Persatuan Optik Malaysia, Persatuan Amalan Optik Malaysia, Persatuan Optometris

Malaysia, Persatuan Oftalmologi Malaysia, Pakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia, Pakulti Perubatan Universiti Malaya dan Jabatan Peguam Ncgara.

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk menghadkan amalan optometri/optik kepada orang-orang yang berdaftar sahaja dengan menetapkan syarat-syarat pendaftaran bagi orang-orang yang layak didaftarkan sebagai ahli optik atau optometris.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Optik 1991 mengandungi 42 Fasal yang dibahagikan kepada lima bahagian:

*Bahagian I* Rang Undang-undang ini, selain daripada mengadakan tajuk ringkas dan takrif, bertujuan membenarkan Menteri menetapkan tarikh mula berkuatkuasanya Rang Undang-undang ini.

*Bahagian II* menurunkan peruntukan-peruntukan mengenai penubuhan Majlis Optik Malaysia, keanggotaan dan tempoh jawatan seseorang anggota Majlis, prosedur-prosedur dalam mesyuarat Majlis dan juga kuasa Menteri untuk mengeluarkan arahan-arahan am kepada Majlis.

*Bahagian III* mengandungi asal-fasal bersabit dengan pendaftaran juruoptik dan optometris. Fasal-fasal tersebut meliputi beberapa perihal tertentu seperti lantikan Ketua Pengarah Kesihatan sebagai Pendaftar, mengadakan dua daftar berasingan bagi juruoptik atau optometris, orang-orang yang berhak didaftarkan sebagai juruoptik atau optometris dan bidang kuasa tatatertib Majlis Optik Malaysia.

*Bahagian IV* mengandungi Fasal-fasal bersabit dengan amalan optometris yang menetapkan hanya orang-orang yang berdaftar sahaja boleh menjalankan amalan optometri. Bahagian ini juga meliputi Fasal-fasal

yang membenarkan juruoptik tertentu mempreskripsi dan mendispensa kanta lekap dan perakuan amalan tahunan bagi juruoptik dan optometris yang berdaftar.

*Bakagian V* mengandungi Fasal-fasal yang mengambil kira pelbagai perkara termasuk pendaftaran "fraud", kesalahan-kesalahan orang yang tidak didaftar, orang yang boleh menjual alat optik dan penalti am bagi orang-orang yang melakukan kesalahan.

Bahagian ini juga mengandungi Fasal-fasal yang membenarkan seseorang yang diberi kuasa untuk memasuki premis di mana amalan optometris dipercayai dijalankan dan memeriksa dan menyita dokumen-dokumen berkaitan dengan amalan itu.

Rang Undang-undang ini mempunyai dua Jadual dan Menteri Kesihatan diberi kuasa untuk meminda Jadual-Jadual tersebut. Jadual Pertama ialah senarai kelulusan yang boleh didaftarkan bagi juruoptik dan Jadual Kedua ialah senarai kelulusan yang boleh didaftarkan bagi optometris.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Optik 1991 merupakan sebagai satu langkah untuk mengatur dan mengawal amalan optometri bagi melindungi orang-orang awam. Dengan ini saya memohon supaya Rang Undang-undang Optik 1991 diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Peter Chin Fah Kui):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi mengadakan peruntukan

mengenai pendaftaran orang-orang yang menjalankan amalan sebagai juruoptik dan optometris bagi mengawal amalan optometri dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Pasir Mas.

### 5. 25 ptg.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas):** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih. Pertama, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Timbalan Menteri Kesihatan yang telah mengemukakan Rang Undang-undang Optik 1991 dengan tujuan untuk mendaftar pengamal-pengamal optik sepertimana kita mendaftarkan doktor gigi dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya melanjutkan sedikit pandangan saya di sini, suka saya menegaskan, terutamanya untuk diambil perhalian oleh pihak Kerajaan iaitu tidaklah terlalu melayan sangat provokasi yang dibuat oleh pihak-pihak Pembangkang dalam menghujahkan sesuatu perkara dan menumpukan kepada perkara-perkara yang penting bagi melaksanakan tanggungjawab bagi kepentingan rakyat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya cukup muak dan meluat apabila mendengar ada Wakil-wakil Pembangkang yang bercakap—ini terus terang saya kata, terutamanya Wakil dari Kepong bila herucap, saya mintalah supaya mempertahankan moral dan intellectual responsibility, sebagai Ahli Dewan yang muliaini.

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, nanti sekejap ya, Kota Metaka bangun.

**Tuan Lim Gian Eng:** Peraturan Mesyuarat 36(1).

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Sebutkan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Apa yang diucapkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Pasir Mas tiada berkaitan langsung dengan apa yang kita sedang bahaskan, yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan. Saya harap Tuan Yang di-Pertua membuat satu ruling untuk meminta, mengarahkan beliau....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Saya akan buat satu keputusan Yang Berhormat. Yang Berhormat dari Pasir Mas ....

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Saya faham, Tuan Yang di-Pertua, sebab itu saya tidak pernah ganggu orang. DAP bercakap ganggu orang perkara yang bukan-bukan, dibiarkan. Sekarang ini bangun, soal mengenai Peraturan Mesyuarat. Waktu dia berucap, kita tidak ganggu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, sabar dan saya buat keputusan.

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Menyampuk*)

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Bull shit, get out.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, rujuk kembali kepada apa yang kita bahaskan, sila teruskan.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Saya memang cuba meneruskan, cuma saya mengambil kesempatan untuk mengemukakan pandangan. Dan kalau DAP membangkitkan soal perkara-perkara yang bukan-bukan, cuba merujuk Ahli-ahli Barisan Nasional kepada Peraturan Mesyuarat....

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Nanti sekejap, Yang Berhormat, sabar. Ya, Kota Melaka bangun atas apa?

**Tuan Lim Guan Eng:** On a point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, yang ke berapa?

**Tuan Lim Guan Eng:** Menyebut perkataan unparliamentary.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Perkataan seperti?

**Tuan Lim Guan Eng:** Bull shit, kalau saya tidak silap. Saya tidak tahu sama ada beliau hendak mengakui bahawa dia sebut satu perkataan bull shit. Dan saya rasa itu satu perkataan yang tidak senonoh, dan saya harap ....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Saya akan buat satu keputusan, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Dan saya harap, Tuan Yang di-Pertua boleh mengarahkan bahawa beliau tarik balik perkataan itu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Saya sudah cakap, saya akan buat keputusan. Yang Berhormat, cuba elakkan perkataan bull shit dan sebagainya.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Ya, terima kasih, kalau bapa tidak senonoh, anak pun tidak senonoh. Terima kasih. Saya kalau saya sebut, saya tarik balik perkataan "tidak senonohkah", tak senonohkah, senonoh itu dia punya fasal.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Teruskan.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua,....

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Dia sudah sebut, dia tarik balik, kalau dia ada melafazkan perkataan itu, sudah cukuplah.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, Dewan yang mulia ini adalah orang-orang yang bermoral dan berakhlak mulia. Dewan ini adalah untuk orang-orang yang memikirkan soal tanggungjawab mereka kepada rakyat dan negara. Maka sebab itu kita mengambil bahagian untuk membincang sesuatu akta dengan penuh tanggungjawab. Apabila kita berucap membahaskan sesuatu Rang Undang-undang kita perlu dengar dengan penuh teliti dan saya akui ada juga kadangkadangkang point-point yang dibangkitkan oleh Pembangkang boleh kita terima tetapi kerana over-do, kerana over-react, kerana tidak ada tanggungjawab, yang mereka harap ialah political mileage, yang mereka harap bila ada pertengkaran, bila ada provokasi dalam Dewan ini, esok hari keluar dalam suratkhbar bahasa Cina, keluar dalam suratkhbar, ada pertengkaran di antara satu sama lain dapat political mileage. Saya harap pihak akhbar pun janganlah layan perkara-perkara berita macam ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, nanti sekejap, Kota Melaka ada apa?

**Tuan Lim Guan Eng:** Pointoforder 36 (1) sekali lagi, nampaknya dia tak hormat keputusan yang dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Sila duduk, saya akan buat keputusan. Bila saya kata saya akan buat keputusan, Yang Berhormat jangan cuba berhujah-hujah. Yang Berhormat Pasir Mas teruskan dan cuba rujuk kembali kepada tajuk.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Saya akan rujuk kembali kepada tajuk, Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya hendak ingatkan sekarang saya akan hormat

Tuan Yang di-Pertua dan kalau saya dengar lagi dalam Dewan ini selepas ini siapa berucap, kurang ajar dan biadab, saya akan bangun dan mengikut Peraturan Mesyuarat. Kalau kita hendak orang menghormati kita, kita mesti ikut, kita mesti ada juga perasaan menghormati orang lain. Sebab kita lak rnahu habiskan masa sia-sia sahaja, orang lainpun hendak berucap juga. Kita kena belajarlah time management, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Cukuplah ilu, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Terima kasih, tengok bila saya dah marah itulah stimnya, kalau saya tak marah tak apa. Sebab kitapun tahu dari segi time management supaya lebih ramai Ahli Yang Berhormat yang lain dapat bercakap. Jadi, soal Rang Undang-undang Optik 1991 ini, sepertimana yang telah diterangkan oleh Timbalan Menteri Kesihatan tadi ialah unluk mengawal pengamal-pengamal optik. Sememangnya kita alu-alukan dan disebutkan tadi dalam pembentangan Akta ini iaitu sudahpun dibincang dengan berbagai-bagai persatuan dan wakil-wakil dari berbagai universiti dan inipun satu langkah yang baik. Cuma saya ingin bertanya daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah kandungan memorandum yang telah dikemukakan pada 14 Jun, oleh antara lain, Tuan Yang di-Pertua, The Association of Malaysian Optometrists (Persatuan Optometris Malaysia—AMO), Unil Optometri Fakulti Perubalan, Persatuan Alumni Optometri UKM, dan Persatuan Mahasiswa Optometri UKM dan ditandatangani oleh beberapa wakil daripada persatuan-persatuan ini.

Mengikut memorandum yang mereka kemukakan yang telah dihantar kepada Menteri Kesihatan, yang saya difahamkan, mungkin sudahpun ada perbincangan dan saya membandingkan

dengan Akta yang dibentangkan ini ada pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh kalangan mereka ini tidak diambilkira. Antara lain yang paling penting, ialah saya hendak rujuk kepada Jadual Pertama (Seksyen 18) mukasurat 27 bersabit dengan pengiktirafan iaitu senarai kelulusan yang boleh didaftarkan sebagai juruoptik. Mengikut pandangan daripada wakil-wakil persatuan ini, kelayakan peracikan seperti FADO tidak sepatutnya dipekenalkan sebagai kelayakan untuk memeriksa penglihatan. Di United Kingdom di mana Associate Diploma ini dikeluarkan, pemegang sijil ini tidak diperakukan untuk memeriksa penglihatan, (Seksyen 21) Akta Optikal, United Kingdom, 1958 kerana mereka tidak dilatih atau tidak diuji dalam pemeriksaan penglihatan refleksi. Kelayakan ini diiktiraf di beberapa tempat hanya untuk kerja-kerja dispensing sahaja, dengan izin, Tuan Yang di-Perlu.

Di sini saya lihat senarai kelulusan yang boleh didaftarkan bagi Juruoptik daripada Filipina, Central College of Pbilippines, South Western University, Pilipina dan daripada United Kingdom, The Association of Dispensing Opticians, Bradford Technical College, City and East London College of Applied Optics. Yang tiga ini yang kita tahu tidak diiktiraf di United Kingdom, macam mana kitaiktiraf dan boleh dimasukkan dalam senarai kelulusan untuk didaftarkan sebagai juruoptik. Per-soalannya yang berbangkit, apakah di sana mereka tidak iktiraf, kita boleh daftarkan di sini. Nanti orang kata mata orang London dengan mata orang Kuala Lumpur ini lain. berbeza dari segi keupayaan dan berbeza dari segi mata yang hendak diperiksa itu nanti. Saya bangkitkan perkara ini, sebab saya kira ini serius, memang saya pun tak hendak terperangkap dengan pandangan yang double-standard nanti, Tuan Yang di-Pertua. Kerana dalam soal mengubah mata ini, di sini kita gunakan perubatan moden. Dalam perubatan tradisional pun

ada secara ala-tradisional Melayu pun ada dan macam-macam ala-tradisional. Begitu juga kita bukan hendak menafikan mereka yang berpengalaman yang nanti sudahpun berselerak di seluruh negara ini apabila didaftar, mereka tak didaftar seolah-olah kita mengeneppikan mereka.

Kita mengakui soal pengalaman mereka ini tetapi sekarang ini kita hendak buat undang-undang. Jadi, bila kita hendak buat undang-undang untuk tujuan mengawal, biarlah undang-undang kita itu betul-betul ada standard. Kalau kita kata untuk mempertahankan professionalism dalam bidang optik ini, maka biarlah kita mengiktiraf mereka yang benar-benar berkelayakan. Benar-benar diiktiraf mengikut bidang masing-masing. Sebab dalam bidang optik ini bukan sahaja pemeriksaan mata, ada lagi perkara-perkara lain seperti pemeriksaan mata kanak-kanak. Itu perlu pula kepakaran yang lain. Jadi, kalau kita daftarkan nanti institusi yang tidak diiktiraf termasuk daripada lain-lain negara yang mungkin diiktirafkan di sini, saya pun tidak pasti semua sekali, tetapi saya pasti yang saya sebut tadi, saya difahamkan memang tidak diiktiraf. Jadi, kalau ini berlaku, jikalau tersilap dari segi pemeriksaan mata nanti dan mata kita ini alat pancaindera. Kalau buta mata dan buta hati pula macam setengah orang yang bercakap dalam Dewan ini lagi kacau. Tetapi sekurang-kurangnya kalau buta hati, jangan buta mata. Ini mata celik, hati buta, kalau dua-dua sekali, macam mana?

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab itu kita percaya tugas seseorang optician ini yang berdaftar patut mempunyai pengalaman yang cukup selain daripada kolej ataupun universiti yang diiktirafkan dan pengalaman itu sekurang-kurangnya tiga tahun. Saya tak tahu berapa tahun ditetapkan dari segi pengalaman, sepertimana kehendak Akta ini. Tetapi yang pentingnya bagi menjamin ianya benar-benar berfungsi sebagai satu undang-undang yang boleh

mengawal pengamal-pengamal optik di negara kita ini, supaya apabila ianya didaftarkan nanti, pengamal optikpun juga dari segi tarafnya naik, seperti doktor gigi.

Memang betul, saya mengalu-alukan langkah Kementerian mengemukakan Akta ini. Sebab kalau kita pergi ke taman-taman perumahan sekarang ini cukup banyak kedai cermin mata dan seolah-oleh semua sudah jadi doktor. Masuk sahaja kedai cermin mata, saya tengok yang tak rupa doktorpun, diapun periksa mata, bawa masuk dalam bilik, cek mata, dia boleh rekomen pula pakai power sekian-sekian dan memang ini merbahaya.

Tetapi mungkin oleh kerana ada mereka yang berpengalaman sebelum ini hendak menjamin supaya mereka ini tidak diketepikan, mereka ini akan didaftarkan walaupun tidak ada pengalaman. Tetapi saya minta Kementerian Kesihatan berhati-hati supaya jangan didaftarkan mereka yang tidak berkelayakan dari segi yang diiktirafkan ini, mungkin boleh dikategorikan mengikut kemahiran masing-masing, tetapi mestilah ianya didaftarkan sebagaimana yang saya harapkan tadi.

Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua, dan saya kata tadi saya tidak mahu ambil masa yang panjang, saya hendak bangkitkan perkara-perkara yang penting sahaja. Saya tidak mahulah meleret ke sana, menceceh di sini, melalut ke sana sehinggakan membuang masa kita semua.

Jadi, saya haraplah sekali lagi sebelum saya duduk, saya hendak merayulah sebagai seorang kawan, sebagai Ahli Dewan yang mulia, lerulama kepada Yang Berhormat dari Kepong dengan bersungguh-sungguh dan saya percaya dia banyak pengalaman, banyak idea untuk dikemukakan supaya idea yang dikemukakan itu jangan over-act ataupun over-do sehingga akhir sekali habuk pun orang tidak ambil kira.

Meluat betul, saya cukup gcrarn betul, apa yang saya cakapkan, saya cukup marah betul. Sebab itu saya berharap kita Ahli Dewan yang mulia ini marilah kita pertahankan mutu intelektual kita, moral responsibiliti kita kepada Dewan yang mulia ini, "once and for all", dengan izin, saya sebut ini.

Selama ini saya tunjuk baik, Tuan Yang di-Pertua, letapi mulai daripada sekarang ini saya sudah mula naik "steam", saya tidak tahulah besok lusa apa yang hendak jadi. Cuma saya harap kalau kita bincang betul-betul dan kita gunakan masa betul-betul, insya-Allah, kita boleh mencari kebaikan bersama sebagai anggota Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Tumpat.

5.42 ptg.

**Tuan Haji Wan Mohd Jamil bin Wan Mahmood:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya mohon menyokong pembentangan Rang Undang-undang Optik 1991 bagi mengawal dan mendaftarkan juruoptik dan optometris yang bertujuan untuk melindungi kepentingan orang-orang yang memerlukan rawatan mata, menjamin pelanggan-pelanggan atau pengguna cermin mata supaya sentiasa mendapat bekalan dan khidmat yang sebaik-baiknya bila mereka membeli cermin mata serta memastikan bahawa mereka yang terlibat dalam urusan rawatan mata dan mengendalikan kedai cermin mata terdiri daripada orang-orang yang benar-benar mempunyai kelayakan dan benar-benar mempunyai tanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini sesiapa yang mempunyai modal dan tahu bahawa dia boleh mendapat keuntungan dari perniagaan cermin mata, maka dia boleh membuka kedai cermin mata di mana-mana sahaja dan pekerja di kedai-

kedai itu boleh mengendalikan sendiri ujian bagi menentukan degree atau setebal mana cermin mata untuk pelanggan-pelanggannya atau jenis kanta lekup yang mana sesuai untuk pelanggan-pelanggannya. Peniaga-peniaga cermin mata dan kanta lekup tidak perlu kepada sebarang kelulusan untuk menjalankan urusan yang melibatkan kesihatan mata dan penglihatan orang ramai. Kita dukacita keadaan ini telah berlaku kerana ia boleh merugikan pihak pelanggan dan pihak pelanggan terpaksa menghadapi segala risiko dari khidmat seorang yang bukan ahli. Manakala pihak yang menjalankan perniagaan tidak menanggung apa-apa risiko dan tidak pula perlu mengambil tanggungjawab terhadap masalah dan risiko yang dihadapi oleh pelanggan-pelanggannya.

Tuan Yang di-Pertua, antara pengendali kedai cermin mata sekarang ini adalah mereka yang terdiri daripada orang-orang yang berpengalaman sedikit sebanyak dalam urusan perniagaan cermin mata sama ada kerana mewarisi daripada perniagaan keluarga atau pernah bekerja di kedai certnin mata atau ditempat-tempat yang mengendalikan rawatan mata, sedangkan dalam urusan dan etika perniagaan moden, kepentingan pengguna atau pelanggan perlu diberi keutamaan dan perlindungan. Dalam cra kedaulatan rakyat kerana rakyat itu adalah pengguna, maka mereka wajar mendapat perlindungan dan khidmat rawatan yang terbaik dalam apa jua urusan. Adalah tidak wajar Kerajaan yang membela rakyat tidak memikirkan kepentingan pesakit mata dan kepentingan orang-orang rabun sebelum dan selepas merdeka dan hanya baharu sekarang mengemukakan undang-undang ini bagi menjamin kepentingan golongan itu. Sepatutnya Rang Undang-undang ini telahpun lama dibentang.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kawalan tidak ada, maka kita bimbang bahawa pengendali perniagaan cermin

mata atau mereka yang mempenagakan urusan rawatan mata lebih mengutamakan kepentingan perniagaan daripada memberi perkhidmatan, sedangkan masyarakat sekarang mahuimbangan antara kedua-duanya supaya peniaga dan pengguna sama-sama mendapat faedah daripada khidmat optik itu.

Memandangkan cermin mata sekarang bukan sekadar diperlukan demi penglihatan yang lebih baik, tetapi ia adalah juga sebagai fesyen, maka berbagai bentuk cermin mata telah direka dalam pasaran. Saya rasa persoalan-persoalan ini juga perlu dikawal, sebab cermin mata banyak di dapati di tepi-tepi jalan dan ramai orang yang menggunakannya—ada cermin mala hitam dan sebagainya, dan saya rasa pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri perlulah memikirkan keadaan ini dan juga satu penyelesaian dengan adanya cermin mata bagi tujuan melindungi daripada sinaran panas. Maka dibimbangkan aspek rawatan dan khidmat nasihat tentang kesihatan mata tidak lagi menjadi perhatian semua pihak. Kalau kita hendak contohkan, penjual cermin mata ini samalah dengan penjual ubat. Kalaulah penjual ubat di tepi jalan itu tidak dikawal maka begitu juga penjual-penjual cermin mata di pinggir jalan itu tidak dikawal.

Tuan Yang di-Pertua, justeru itu para doktor mata dan mereka yang mewarisi sudut ilmu perubalan mata merasa perlu satu bentuk perlindungan diberikan supaya mutu khidmat dan personel khidmat dan ilmu mengenai mata ini terjamin, dihormati dan maruahnyanya dapat dipertahankan. Dalam memberikan perlindungan ini hendaklah diteliti supaya undang-undang yang diadakan ini adil kepada semua. Kita tidak mahu ia terlatu longgar hingga cermin mata boleh menjadi barang lelongan di gerai dan di kaki lima. Pengguna tidak mendapat perlindungan dan ilmu mengenai mata tidak menjadi satu bidang yang bermaruah. Kita juga

tidak mahu terlalu ketat hingga menyebabkan pesakit-pesakit mata terpaksa menanggung kos rawatan yang tinggi disebabkan oleh sikap yang terlalu mementingkan kelulusan, lalu mengambil semua langkah-langkah yang kononnya demi menjaga mutu, maruah dan kelulusan hingga harga cermin mata melambung hingga orang rabun tidak terdaya memikunya—stail hospiul swasta sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita hendaklah peka dengan perkembangan dan harga cermin mata yang tinggi di luar negeri. Contohnya di England dan Amerika. Anak-anak kita yang belajar di sana kadang-kadang menunggu balik bercuti untuk menukar cermin mata kerana harga cermin mata di negara kita jauh lebih murah daripada negara-negara tadi.

Majlis Optik Mataysia yang dicadangkan mengikut Bahagian II, Rang Undang-undang ini wajarlah memerhatikan juga supaya kos rawatan dan harga cermin mata serta kanta lekap terkawal dan sentiasa stabil. Bagi memastikan kepentingan ilmu, mutu dan maruah optik negara ini tidak tenggetam di bawah pengaruh dagangan dan keuntungan perniagaan, maka Majlis Optik Malaysia wajarlah memastikan suara atau wakil pihak yang mementingkan profesion ilmu mata ini mempunyai perwakilan yang secukupnya dalam Majlis Optik.

Tuan Yang di-Pertua, demi menjaga mutu perkhidmatan dan nama baik Majlis Optik, wajarlah juga kaedah kelulusan para juruoplik dan optimetris diambil berat. Institusi-institusi yang melatih dan mengeluarkan lulusan bidang ilmu mata dan cermin mata ini hendaklah dipastikan mempunyai rekod yang memang membanggakan sebagaimana yang disentuh oleh Yang Berhormat dari Pasir Mas tadi. Kadang-kadang universiti yang tidak diiktiraf oleh pihak United Kingdom, tetapi kita

mengiktirafkannya. Saya rasa persoalan ini perlu diambil berat. Saya sokonglah pendapat Yang Berhormat dari Pasir Mas.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan orang-orang yang sedang bergiat dalam lapangan ini dan mempunyai banyak pengalaman tidaklah sewajarnya lerkorban kepentingannya bila Rang Undang-undang ini dikuatkuasakan nanti.

Justeru itu, kita menyokong usah-usaha mendaftarkan mereka dalam bidang-bidang yang mereka layak tetapi dalam pelaksanaannya hendaklah tahu pengalaman mereka itu dan disesuaikan juga dengan bilangan tahun seseorang itu terpaksa belajar bagi mendapatkan diploma.

Saya tidak bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat daripada Pasir Mas tadi yang menyatakan pengalaman 3 tahun itu sudah cukup atau ijazah bagi memastikan orang-orang yang bcpengalaman tadi mempunyai kebolehan dan penguasaan ilmu yang tidak kurang dibandingkan dengan mereka yang memiliki kertas kelulusan.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, kita mengakui bahawa pengalaman mempunyai kepentingan yang tidak kurang daripada kelulusan tetapi jika mengenenipkan aspek kelulusan dikhuatiri nanti, kita tidak memberikan penilaian kepada aspek pentingnya ilmu.

Seksyen 19, Rang Undang-Undang ini perlulah diberikan perhatian supaya pengalaman-pengalaman orang yang hendak didaftarkan bagi menjadi juruoptik dan optometris hendaklah menyamai keupayaan dan mutu mereka yang mendapat kelulusan seperti yang disebutkan dalam Jadual Perlama dan Kedua Rang Undang-Undang ini. Lama pengalaman mestilah diambil supaya tidak dipertikaikan oleh pihak yang lain. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Kepong dan selepas Yang Berhormat berucap, Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta jawab.

5. 52 ptg.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, di dalam negara ini di mana lebih daripada 45,000 orang yang buta dan ramai lagi mengalami sakit mata, kita perlulah satu Rang Undang-Undang Optik seperti ini.

Malah keperluan ini telahpun dibuat, dilaung-laungkan pada 15 tahun yang dahulu. Pada 15 tahun yang dahulu di mana hampir 90% kononnya juruoptik, optometris dan kedai-kedai optik ini dikendalikan oleh orang-orang yang tidak berkelayakan—90%. 15 tahun kemudian, sekarang ada 70% orang-orang yang mengamalkan bidang optik ini yang tidak mempunyai kelayakan dan pengalaman yang boleh diiktirafkan. Itulah hakikat dan kenyataan dan ini menunjukkan begitu perlunya kita adakan Rang Undang-Undang yang ketat untuk mengawal dan mendaftar orang-orang yang mengamalkan optik ini.

Akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya mendapati beberapa kelemahan di dalam Rang Undang-Undang ini, walaupun ada setengah-setengah itu boleh diterima kerana ini adalah satu usaha untuk memperbetulkan keadaan yang buruk, yang 15 tahun kelewatan-nya. Ini bukan kesalahan Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana semasa itu beliau belum lagi berkecimpung di dalam politik mungkin. Dengan kelulusan, Rang Undang-Undang ini mungkin menjadikan satu pahala kepada dia (*Ketawa*), tetapi ada banyak kelemahan yang patut diperbaiki.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bangkitkan satu hal di mana tidak ada kaedah di dalam Rang Undang-Undang ini untuk memperbetulkan keadaan di

mana pada masa sekarang ada kira-kira 700 kedai optik. Kalau kita kira 70% yang tidak mempunyai orang-orang yang berkelayakan, jadi apakah yang akan dibuat oleh pihak Kementerian untuk memperbetulkan keadaan ini? Sama ada keadaan yang sedemikian akan dibiarkan sahaja ataupun tindakan yang tegas untuk memperbetulkan akan dibuat, termasuk kursus-kursus latihan yang tertentu dan mereka yang tidak berkelayakan diperlu dan diwajibkan untuk menyertai kursus-kursus yang tertentu. Adakah kursus seperti ini?

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu perkara yang penting yang perlu diambil perhatian dan perlu diubahsuai, diperbaiki untuk kepentingan orang ramai memandangkan di dalam negara ini tiap-tiap 20 kanak-kanak ada satunya mata dia tidak begitu sihat. Tiap-tiap 20 kanak-kanak di dalam negara ini ada satunya mata yang tidak betul, yang tidak sihat dan terpaksa menerima petneriksaan yang sewajarnya.

Kalau orang-orang yang tidak berketayakan dibenarkan mengamalkan perniagaan optik, ini bermakna kebanyakan kanak-kanak yang memerlukan bantuan ini, yang memerlukan pemeriksaan yang betul, tidak dapat pemeriksaan itu. Ini yang selalunya berlaku di dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, adakah satu kempen untuk memeriksa kanak-kanak seperti ini akan dilancarkan oleh pihak Kementerian untuk memperbetulkan keadaan?

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi mengenai hal ini ialah di antara lebih 45,000 orang yang buta di negara ini, mengapa hanya tidak sampai 10,000 sahaja yang mendaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat? Apakah sebabnya? Apakah masalahnya sehingga sebahagian besarnya tidak mendaftar dengan badan Kerajaan ini? Ini menunjukkan satu kelemahan yang

besar, yang mana setakat ini langkah-langkah untuk memperbaikinya belum lagi diambil.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya kuranglah mendapati daripada pihak Kementerian faktor-faktor yang menyebabkan begitu ramai orang yang mengidap penyakit mata sehingga menjadi buta. Setahu kami, adalah punca-punca yang menyebabkan orang buta ini ialah termasuk cataract, termasuk kemalangan trauma, glaucoma, bermakna tekanan di dalam mata itu tinggi. Sebahagian besarnya punca tidak diketahui tetapi ramai orang termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat di sini boleh mengidap glaucoma dan juruoptik tidak layak untuk mengukur, untuk memeriksa, untuk mendapat tahu, kerana mereka tidak dilatih di dalam bidang ini. Ada juga kerana kencing manis yang sering kali disebutkan oleh Yang Berhormat, kencing manis yang menyebabkan buta dan infeksi juga merupakan salah satu punca walaupun tidak begitu penting tetapi itulah satu punca yang menyebabkan orang buta.

Walau bagaimanapun, apakah yang telah dibuat oleh pihak Kerajaan untuk memperbaiki keadaan dari segi punca-punca yang menyebabkan orang buta dan juga dari segi memperbaiki sistem mendaftarkan orang-orang yang buta yang lebih 45,000 di negara ini?

Tuan Yang di-Pertua, suka saya membangkukan di sini ada satu peruntukan di dalam Rang Undang-undang ini untuk mengadakan satu Majlis Optik. Memang ini satu langkah yang boleh dikira ke arah yang betul. Tetapi walau bagaimanapun, anggota-anggota Majlis Optik itu mestilah dipilih daripada orang-orang yang benar-benar bebas, benar-benar layak, benar-benar berpengalaman untuk menjadi anggota Majlis Optik. Ini sangat penting, Tuan Yang di-Pertua.

Saya beri satu contoh. Ini kenamengena dengan Kementerian Kesihatan juga. Semasa tahun 1989, lebih dua tahun yang lepas, ada satu usaha yang dibuat oleh pihak Kementerian untuk membawa 14 pakar bedah mata daripada Soviet Union masuk ke negara ini untuk menjadi 14 doktor pakar mata di Pulau Langkawi iaitu satu projek usahasama di antara Institut Mata di Soviet Union. Mungkin saya dengar khabar selepas itu Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Presiden MCA menerima rawatan pembedahan ke atas matanya di Moscow. Mungkin kerana Yang Berhormat Menteri Pengangkutan pergi ke Moscow mendapat rawatan dan carototomy untuk memperbetulkan shortsightedness dan longsightedness . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, jangan berbisik-bisik ya. (*Ketawa*) Teruskan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, suka saya bangkitkan di sini kerana di dalam Dewan ini ada setengah-setengah penyokong Kerajaan itu yang shortsighted juga. Dan shortsighted ini, mungkin 14 pakar Soviet ini dibawa ke Langkawi untuk memperbetulkan kekurangan mereka ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, sila pandang ke sini ya. Kerusi di sini.

**Dr Tan Seng Giaw:** Memang, memang. Tuan Yang di-Pertua, itulah satu usaha oleh Kementerian Kesihatan untuk membawa pakar-pakar Soviet Union ini masuk ke negara ini tanpa mengikut syarat-syarat, terma-terma dan kriteria-kriteria yang ditetapkan oleh Malaysia.

Malaysia mempunyai kriteria yang tertentu. Jadual yang tertentu dan piawaian yang tertentu. (*Disampuk*) Piawaian?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Piawaian ya? Piawaian.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Standard yang tertentu untuk doktor-doktor termasuk doktor mata. Tetapi pihak Kementerian Kesihatan tidak langsung mengendahkan nasihat daripada Majlis Perubatan Malaysia (MMC), mengcnepikan nasihat mereka. Berdegil untuk membawa masuk 14 pakar Soviet. Itulah perangai. Itulah amalan. Itulah ketidak-sesuaian dan sikap pihak Kementerian Kesihatan. Dan Larut tengok Pcraturan Mesyuarat sekarang. Memang ini satu perkara yang relevan untuk Majlis Optik sehingga masa itu, dua tahun yang lcpas, semua anggota Majlis Perubatan Malaysia (MMC), meletakkan jawatan. Itu mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak sedari. Yang menjadi Timbalan Menteri waktu itu adalah seorang yang telahpun dipecat oleh Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos. Waktu itu dia duduk di sebelah situ dan bcrdcgil-degil untuk membawa masuk 14 Soviet. Mungkin sebab itulah dia dipecat.

Dengan MMC yang diwakili oleh doktor-doktor yang berkaliber mereka meletakkan jawatan untuk menunjukkan rasa ketidakpuasan hati mereka kerana tindakan Menteri Kesihatan waktu itu. Ini menunjukkan satu insiden yang tidak sepatutnya berlaku dan dibenarkan berlaku oleh pihak Kerajaan yang dari segi ini tidak bertanggungjawab.

Dengan adanya Majlis Optik ini saya berharap anggota-anggotanya benar-benar berkaliber, mempunyai integriti, keutuhan dan digniti—kewibawaan, mertabat yang tertemu. Tidak seperti setengah-setengah penyokong Kerajaan yang tidak mempunyai mertabat yang tertentu. (Boo!) Melompat seperti tupai. (*Ketawa*) Kemudian jatuh ke tanah, melaung-laung, menjeril-jeril, mengeluarkan perkataan para peronggah dan kemurkaan, kebengisan, kebengkengan, kegeloraan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, jadi saya berharap Majlis Optik ini . . .

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** Minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Penjelasan.

**Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** Sama ada Ahli Yang Berhormat dari Kepong ini mata dia elok atau tidak, alaupun hari ini dia hendak jack boss! (*Ketawa*)

**Dr Tan Seng Giaw:** Saya beri dia jalan untuk membangkitkan penjelasan. Tetapi yang dibangkitkan itu menunjukkan orang ini mungkin seolah-olah orang buta. Jadi itu relevanlah kerana sekarang kita bincang hal optik untuk orang-orang yang kurang penglihatan. Jadi shortsighted atau tidak, saya tidak tahu. Mungkin orang inilah yang benar-benar memerlukan pakar Soviet ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Rang Undang-undang ini ada satu perkara lagi saya tidak puas hali mengenai kedua-kedua Jadual ini. Ada setengah-setengah senarai kelulusan yang boleh didaftarkan bagijuruoptikdanjugasenarai kelulusan yang boleh didaftarkan bagi oplometris. Bagi saya kurang tepat dan perlulah bagi pihak Kerajaan untuk memberi kriteria-kriteria yang diadakan standard-standard yang digunakan untuk memberi kelulusan kepada kolej-kolej dan universiti-universiti yang didaftarkan di dalam Jadual ini. Apakah kriteria yang digunakan. Ada setengah-setengah itu mungkin standardnya tidak cukup sepertimana yang dibangkitkan oleh pakar-pakar optometris, juruoptik dan sebagainya dan mereka setahu saya hendak mempunyai harapan di mana hanya semua opticians dan semua optometris yang berkelayakan dibenarkan didaftarkan. Opticians, juruoptik dan oplometris daripada kolej-kolej yang tidak mempunyai standard yang tinggi tidak seharusnya dibenarkan mengamalkan optik di negara ini.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, yang penting sekali, iaitu orang-orang yang mempunyai kelayakan FADO dan FBDO. FADO bermakna Fellow of Association of Dispensing Opticians dan FBDO bermakna Fellow of British of Dispensing Opticians. Mereka ini tidak dilatih untuk memberi preskripsi kaca-kaca mata dan juga kanta sentuhan. Mereka tidak diberi latihan dalam bidang ini, mengapa mereka dibenarkan untuk mengamalkan trade tersebut. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan di sini mengapa mereka dibenarkan untuk mengamalkan uade ini walaupun tidak dilatih dalam bidang ini dan mereka hanya dilatih untuk mendispensekan kaca mata sahaja. Kalau mereka yang tidak mempunyai kelayakan untuk memeriksa penglihatan maka mengapa pihak Kerajaan sanggup membenarkan mereka untuk berbuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu lagi mengcnai....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Panjang lagikah, Yang Berhormat?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Memang kalau hendak berucap, saya akan mengambil masa yang panjang.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Cuba ringkas dan padatkan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, ada satu perkara mengenai penglihatan kanak-kanak. Ini penting, kerana saya sebutkan tadi satu daripada 20 kanak-kanak mengidap penyakit mata dan mereka memerlukan pemeriksaan yang dibuat oleh orang-orang yang bcnar-benar boleh memberi pertolongan.

Tuan Yang di-Pertua, di sini satu pandangan daripada pakar opticians dan optometris dan kedua-duanya yang berdaftar patut dibenar untuk membuat pemeriksaan dan memberi cermin mata

kepada orang-orang dewasa tetapi hanya optometris dan optomelagist. Optomelagist tidak serupa. Optomelagist itu ialah doktor yang dilatih mempunyai kepakaran ke atas mata dan mereka tertakluk kepada Akta-akta Perubatan yang telahpun diluluskan dalam Dewan yang mulia ini dan undang-undang yang bakal diluluskan ini tidak akan kena mengena dengan optomelagist.

Walau bagaimanapun saya bersetuju hanya optometris dan optomelagist patut dibenar untuk memeriksa penglihatan kanak-kanak dan juga satu perkara di mana kanta sentuhan (contact lenses) patut dikawal dengan ketat seperti ubat jadual seperti dadah, kerana kanta sentuhan seperti yang telahpun disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh mendatangkan bahaya jika dipasang tanpa khidmat nasihat yang sempurna. Opticians berdaftar mesti menunjukkan kebolehan mereka dalam kerja berkaitan dengan kanta sentuhan sebelum mereka dibenarkan memasang dan menjaga kesihatan pemakaiannya. Di dalam Rang Undang-undang ini perkara ini tidak disebutkan dengan teliti bahkan saya nampak opticians yang tidak layak pun dibenarkan untuk membuat pemeriksaan ke atas kanak-kanak di bawah umur 15 tahun dan juga untuk mengendalikan kanta sentuhan.

Tuan Yang di-Pertua, ada ....

**Seorang Ahli:** Tiada modal.

**Dr Tan Seng Giaw:** Memang ada modal, siapa kata tiada modal.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Jangan berdialog ya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, yang hendak kita ketatkan di sini ialah dengan adanya Rang Undang-undang ini, apakah kaedah penguatkuasaan. Penguatkuasaan yang penting itu. Banyak contohnya yang boleh saya

berikan di sini untuk menunjukkan kekurangan kaedah dan kemampuan keupayaan penguatkuasaan. Saya bagi banyak contoh, satu, yang dialami oleh saya sendiri pada tahun yang lepas saya dapati satu jenis ubat CCJ iaitu yang disebutkan sebagai ubat ular yang dijual dengan begitu laris dalam masyarakat. Ubat itu di dalam kapsul hijau. Saya hantarkan ubat ini kepada Jabatan Kimia Kerajaan untuk dianalisiskan. Tetapi mereka mengambil masa yang begitu panjang dan di dalam masa beberapa bulan itu berapa banyakkah ubat itu dijual di dalam pasaran dan kemudian pada akhir-akhirnya, satu dua bulan yang lepas, saya tengok ada satu kenyataan dari pihak Kerajaan, Menteri Kesihatan ada mengumumkan memberi amaran kepada orang ramai bahawa kapsul CCJ ini tidak sepatutnya dimakan oleh pihak orang ramai kerana ia mengandungi steroid. Steroid itu, seperti Ben Johnsonlah dia makan steroid juga tetapi steroid ini lebih dahsyat lagi daripada steroid yang dimakan oleh pelari termasyhur Ben Johnson.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, apa ada hubung kaitnya dengan tajuk yang dibahaskan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Memang ada hubung kait. Saya hendak tunjukkan contoh itu di sini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Sila pendekkan ucapan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Memang, saya hendak ringkaskan. Ini menunjukkan kekurangan kaedah penguatkuasaan, kemampuan dan keupayaan dan kakitangan yang tidak cukup. Setakat inipun saya percaya ubat kapsul CCJ ini dijual di seluruh negara. Ini bukan main, mereka bubuh steroid di dalam kapsul ini dan mungkin kosnya berapa sen sahaja dan dijual—kalau 20 biji 30 biji dijual dengan harga \$40, \$50 ....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, jangan pergi jauh sangat, rujuk kembali kepada....

**Dr Tan Seng Giaw:** Memang, ini menunjukkan yang ....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ini seolah-olah ....

**Dr Tan Seng Giaw:** Satu contoh lagi, saya sering kali.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Banyak contoh nampaknya.

**Dr Tan Seng Giaw:** Ini betul-betul menunjukkan bahawa kaedah penguatkuasaan yang tidak cukup. Ubat seperti ini boleh dibeli di kedai-kedai ubat sekarang. Banyak lagi jenis ubat seperti ini boleh dibeli dan ubat di dalam jadual pun tanpa preskripsi sekarang boleh dibeli dengan senang sekali.

Itulah menunjukkan sekarangpun Kerajaan tidak mempunyai kaedah yang baik untuk menguatkuasakan Rang Undang-undang seperti ini. Ini termasuk di dalam masyarakat ini ada banyak beauticians—banyak ubat-ubat, kimia-kimia dan compound-compound yang digunakan oleh mercka untuk solek dan sebagainya. Ada banyak kimia digunakan tanpa kawalan yang ketat oleh pihak Kemenlerian. Misalnya, ada krim-krim solekan itu yang tidak ada label, dan tidak ada menunjukkan isi kandungannya.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat nanti sekejap. Nampaknya contoh yang diberikan oleh Yang Berhormat itu agak terkeluar daripada apa yang kita bincang di sini.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tidak keluar, ini memang ....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ini keputusan saya, Yang Berhormat.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, ....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Saya izinkan Yang Berhormat berucap....

**Dr Tan Seng Giaw:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** .... sekiranya ada isi kandungan yang bersangkutan-paut dengan tajuk yang kita bincangkan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Memang ada bersangkutan-paut.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Ket):** Kalau tidak, saya kena berhentikan Yang Berhormat.

**Dr Tan Seng Giaw:** Ini di bawah Kementerian Kesihatan. Memang optiknya ....

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali):** Penjelasan sedikit, Tuan Yang di-Pertua. Saya dengar dengan begitu minat sekalilah ulasan-ulasan daripada Yang Berhormat, tetapi saya hendak dengar sedikitlah kalau boleh Yang Berhormat bercakap fasal mala. Saya tahu Yang Berhormat doktor perubatan, tetapi mungkin doktor perubatan pun tahu juga fasal mata, cuba cerita sedikit contoh-contoh berkenaan dengan mata.

**Dr Tan Seng Giaw:** Ya, boleh, boleh. Contoh-contoh ini menunjukkan kekurangan penguatkuasaan. Itu sahaja kerana ramai orang sekarang menggunakan krim-krim yang menimbulkan masalah.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat kalau hendak beri contoh, berilah contoh mata.

**Dr Tan Seng Giaw:** Contoh mata saya sudah beri—pakar Soviet itu satu contoh yang ketara ....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Itu sudah memadai.

**Dr Tan Seng Giaw:** Sudah memadai. Dia ada banyak contoh lagi.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Rang Undang-undang ini tidak ada disebutkan bagaimana Rang Undang-undang ini akan dikuatkuasakan.

**Puan Hajah Rakibab binti Haji Abdul Manap (Shah Alam):** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan, Saya tertarik hati dengar krim muka ini yang saya selalu pakai. Apa kaitan krim muka dengan kerosakan mata, kerana sekarang kita sedang bercakap mengenai optik ini? Ini krim muka pula keluar.

**Dr Tan Seng Giaw:** Kawasan Shah Alam ini mempunyai banyak masalah. (*Disampuk*) Salah satu masalah itu di dalam satu ibukota negeri Selangor di mana Lebuhraya itu terus masuk ke tengah kota itu . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Kalau Yang Berhormat hendak jawab apa yang diminta,....

**Dr Tan Seng Giaw:** Saya hendak jawab dia ini. Saya hendak jawab dia . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Sila teruskan. Kalau tidak, singkatkan ucapan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Di Shah Alam itu kita tengok ....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Jangan pergi jauh sangat.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tidak jauh, kerana dia bangkitkan hal ini saya hendak jawablah sekarang, tunggu,

sabar sedikit, Tuan Yang di-Pertua. (*Ketawa*) Shah Alam ini satu kota yang moden tetapi saya tidak pernah tengok kota seperti itu di dunia di mana Lebuhraya itu masuk di tengah kota itu, ini satu amalan yang sangat dahsyat.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, itu tidak ada kena-mengena dengan urusan Kementerian Kesihatan, dan kalau Yang Berhormat....

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, Shah Alam bangkitkan masalah . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Nanti dahulu Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat tetap hendak ceriikan contoh-contoh yang tidak kena-mengena dengan tajuk, saya kena memberhenhikan ucapan Yang Berhormat mengikut Peraturan Mesyuarat 44(1). Ini kata dua ini!

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Minta Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya Yang Berhormat daripada Kepong sama ada, ada atau tidak Lebuhraya yang lalu di tengah-tengah pekan Kepong?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Saya sudah membuat keputusan tadi, Yang Berhormat Kepong dan Yang Berhormat Timbalan Menteri, perkara yang tidak ada hubung kaitnya mestilah diketepikan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Niat jahat dia, dia hendak berhentikan saya berucap. Itulah maksud dia, dia yang buat jahat, kerana dia tidak begitu faham mengenai optik . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** " Ada contoh optik lagi?

**Dr Tan Seng Giaw:** Ada banyak contoh lagi, Tuan Yang di-Pertua. Jadi kalau kita tidak membuat tafsiran yang

betul, mengadakan standard yang ketat ke atas senarai kelulusan di dalam Jadual Pertama dan Kedua ini, maka banyak masalah boleh timbul seperti juruoptyk-juruoptyk ini yang tidak mempunyai kelayakan boleh membuat pemeriksaan ke atas kanak-kanak yang berumur di bawah 5 tahun. Kalau kita benarkan mereka yang tidak layak ini berbuat demikian, maka mereka akan mengabaikan ramai penyakit yang dihinggap oleh pihak kanak-kanak.

Tuan Yang di-Pertua, pseudo myopia ini satu shorisightednesslah yang mungkin ada juga dihinggap oleh setengah-setengah penyokong Kerajaan pseudo myopia, (*Ketawa*) dan juga mata juling (squint) yang mungkin dihinggap oleh Gerik sekarang ....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat nanti sekejap.

**Dr Tan Seng Giaw:** Myopia dan ....

**Tuan Ruhaine bin Haji Ahmad:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Nanti sekejap, Yang Berhormat Parit Sulong bangun. Hendak apa ini Yang Berhormat?

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Saya minta Tuan Yang di-Pertua merujuk kepada 36(1), kerana Yang Berhormat Kepong, saudara saya ini bercakap, dia kadang-kadang melilau tidak tentu fasal.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, saya akan membuat keputusan, Yang Berhormat. Yang Berhormat Kepong, nampaknya apa yang dibangkitkan itu agak terkeluar dari tajuk.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tidak terkeluar ini ....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ini saya sudah berkali-kali mengingatkan Yang Berhormat, saya tidak akan memberi nasihat yang sama lagi dan kalau ....

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya sedang memperbincangkan perkara ....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, nanti dahulu, jangan berhujah dahulu dan saya beri masa seminit dua untuk Yang Berhormat menggulung.

**Dr Tan Seng Giaw:** Oh!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Sudah lama Yang Berhormat berucap ini.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tidak lama, 25 minit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Bukan saya berniat menghadkan tempoh ucapan Yang Berhormat, tetapi contoh itu tidak kena-mengena.

**Dr Tan Seng Giaw:** Bagaimana tidak kena-mengena? Kalau kita membenarkan juru optik yang tidak berkelayakan ini untuk memeriksa kanak-kanak di bawah umur 15 tahun, maka ramai penyakit kanak-kanak itu tidak akan dikesan seperti pseudo myopia, squint, amblyopia dan juga pihakjuru optik yang tidak berkelayakan tidak dilatihkan di dalam retinoscopy.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, sila gulung.

**Dr Tan Seng Giaw:** Baik, Tuan Yang di-Pertua. Saya telah menyampaikan beberapa teguran mengenai kelemahan Rang Undang-undang ini terutamanya di dalam menubuhkan Majlis Optik dan juga di dalam bidang penguatkuasaan di mana tidak ada peruntukan yang tertentu untuk menunjukkan bagaimana pihak

Kerajaan akan menguatkuasakan Rang Undang-undang ini. Yang ketiga, berkenaan dengan kedua-dua Jadual ini mengenai perihal kelulusan untuk pihak pengamal optik, ini tidak memuaskan.

Akhir sekali, saya berharap pihak Kerajaan dapat mengambil perhatian mengenai kelemahan-kelemahan ini. Saya juga berharap pihak Kerajaan dapat memperbeikannya. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, nampaknya masa sudah suntuk dan Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta memberi jawapan pada hari Isnin, bersamaan 29hb Julai, 1991. Dengan ini Majlis Mesyuarat ditangguhkan hingga 2.30 petang, 29hb Julai, 1991.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*